



# پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36

SUBUH 4.46

SYURUK 6.06

DUHA 6.29

ZUHUR 12.05

ASAR 3.26

MAGHRIB 6.02

ISYAK 7.13

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 133

6 NOVEMBER 2023 / 1445

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

*'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. WahsabunAllahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.*

- Tital Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muhamarram 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

## Pelihara, Iestarikan Pantun Melayu Brunei

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 November. - Dalam usaha bagi melindungi, melestarikan, menghargai dan mempromosikan Pantun Melayu Brunei agar terus diwarisi, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan (BPDP) mengadakan Taklimat Pencalonan Pantun Melayu Brunei dalam Daftar Representatif Dalam Warisan Budaya Tidak Ketara (UNESCO) sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Konvensyen Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara 2003.

Taklimat yang diadakan di Balai Sarmayuda, DBP, di sini memberikan penjelasan dengan lebih lanjut mengenai pencalonan Pantun Melayu Brunei dan peranan komuniti serta pendukung pantun dalam memberikan kerjasama untuk memelihara dan melindungi pantun serta memulihara rekod arkib berkaitan pantun untuk generasi akan datang.

Sementara itu, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab dalam ucapannya menjelaskan, komuniti dan pendukung juga berperanan penting dalam usaha pencalonan itu yang turut bertindak sebagai penggerak dan jentera yang menghidupkan, memelihara dan melestarikan Pantun Melayu Brunei melalui pelaksanaan pelbagai program dan kegiatan.

>> Muka 10

## SEKOLAH UGAMA RANGKAIAN DARI MIB, JATI DIRI NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama di Jalan Menteri Besar. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam menegaskan bahawa tidak ada sebarang tujuan untuk menghapuskan sekolah ugama. Sekolah ugama adalah rangkaian dari MIB dan salah satu jati diri negara yang kita banggakan.

>> Muka 2

## Presiden Republik Demokratik Timor-Leste tiba di NBD

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 November. - Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta berserta rombongan tiba di

Bandar Seri Begawan malam tadi, bagi mengadakan Lawatan Negara selama empat hari ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

>> Muka 5

## HPPPN : Iktiraf jasa peladang, petani, penternak, nelayan

Oleh : Khartini Hamir

RIMBA, Sabtu, 4 November. - Sejak tiga tahun kebelakangan, Sektor Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan di negara ini menunjukkan peningkatan keluaran kasar hasil dari segi metrik tan dan juga nilai.

Nilai keluaran kasar bagi industri pertanian yang merangkumi industri ternakan, tanaman dan padi meningkat sebanyak 26.7 peratus, iaitu daripada BND323.61 juta pada 2020 kepada BND406.79 juta pada 2022.

Bagi industri perikanan, nilai keluaran

kasar meningkat sebanyak 51.9 peratus, iaitu daripada BND139.05 juta pada 2020 kepada BND211.21 juta pada 2022.

Perkara berkenaan digarisbawang oleh Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab dalam ucapan alu-aluananya pada Majlis Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Ke-13 Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Simpur Pusat Agribisnes Rimba, pagi tadi.

>> Muka 7

MANISNYA IMAN

"PATUTKAH manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata : Kami beriman, sedang mereka tidak diuji dengan sesuatu cubaan? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka dengan ujian yang demikian, nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahui tentang orang-orang yang berdusta".

- Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Al-Ankabut, ayat 2 - 3.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

f Pelita Brunei @pelitabrunei @pelitabrunei

## Berita Utama



BACAAN Surah Yaa Siin zahir rasa kasih kepada penduduk Palestin

Muka 9



GALAK penjagaan kaki yang betul, elak penyakit diabetes

Muka 12



TINGKATKAN kesedaran guru, pelajar mengenai kesihatan reproduktif

Muka 19



KHIDMAT penstriman secara langsung kian mendapat sambutan

Muka 20

# SEKOLAH UGAMA RANGKAIAN DARI MIB, JATI DIRI NEGARA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
 Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol  
 Adi Azraie Pg. Haji Nikman

## >> Muka 1

"Hanya apa yang beta mahukan terhadap sekolah ugama ialah dikemas, dikemaskan sistem, yang ini mustahak, disesuaikan mata pelajarannya selaku sekolah rendah. Dikaji, ditimbang dan dihalusi secara profesional.

"Bukan asal ada atau dibuat secara rambang. Inilah yang beta mahu lihat berlaku sebagai satu perubahan ke hadapan dan perkembangan yang sempurna, bukankah ini juga namanya integrasi?" titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di Jalan Menteri Besar, pagi tadi.

Terdahulu, dalam titah, baginda terpanggil untuk

menyebut sedikit lagi mengenai pengintegrasian pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum bagi penuntut-penuntut di peringkat Pra hingga Darjah III sekolah ugama.

Langkah ini, jelas baginda, adalah semata-mata bertujuan baik untuk penyesuaian supaya tidak terlalu membebankan atau memberatkan kepada penuntut. Kerana jika terus-menerus membebankan atau memberatkan, maka perkara itu dikhawatir boleh membawa kepada gangguan emosi atau mental. Bukan dimaksudkan pelajaran ugama merosakkan mental.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, dengan langkah ini, tidak bererti kita menutup pintu untuk menilai dari semasa ke semasa akan kesesuaiannya, malah kerajaan beta akan



**KEBAWAH DULI YANG MAAH MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASNAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRO WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN MENGURNIAKAN TITAH SEMASA KEBERANGKATAN TIDAK BERJADUAL KE KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA DI JALAN MENTERI BESAR.**

terus-menerus memerhatikan perjalanan atau pelaksanaan sistem ini.

Maka untuk itu, baginda akan amanahkan kepada KHEU dan Kementerian Pendidikan untuk sama-sama memantau dan membuat penilaian saksama mengenainya.

WAKTU SEMBAHYANG											
NOVEMBER	MASIH	RABIULAKHIR	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK
6	ISNIN	22	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13	
7	SELASA	23	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13	
8	RABU	24	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13	
9	KHAMIS	25	4.36	4.46	6.06	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13	
10	JUMAAT	26	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13	
11	SABTU	27	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14	
12	AHAD	28	4.37	4.47	6.07	6.30	12.05	3.27	6.02	7.14	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
31 °C	31 °C	32 °C
24 °C	24 °C	25 °C
Pekan Bangar		
31 °C	31 °C	32 °C
24 °C	24 °C	25 °C
Pekan Tutong		
31 °C	31 °C	32 °C
24 °C	24 °C	25 °C
Kuala Belait		
31 °C	31 °C	32 °C
24 °C	24 °C	25 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		
www.met.gov.bn		

## SIDANG PENGARANG 6 NOVEMBER 2023

### Kebersihan mencerminkan keperibadian

**K**EBERSIHAN masih menjadi isu yang sentiasa mendapat perhatian baik di negara ini maupun di luar negeri. Adalah suatu yang sangat merugikan dan memalukan jika negara kita dicap sebagai negara kotor. Justeru kesedaran serta tanggungjawab setiap rakyat di negara ini dalam mengamalkan kebersihan sangat ditutup apatah lagi dalam agama Islam kita perlu mengamalkan kebersihan.

Abu Malik Al-Shahri, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Kebersihan itu sebahagian daripada iman. Sesungguhnya agama Islam juga menitikberatkan kebersihan dalam mengerjakan amal ibadat".

Sokongan dan kerjasama rakyat untuk merealisasikan negara kita sebagai sebuah negara lebih sejahtera, bersih dan aman dalam menguruskan sampah dengan cara yang baik menerusi pelbagai kempen kebersihan serta kesedaran awam untuk sentiasa mengamalkan kebersihan di sekitar kita.

Baru-baru ini perasmian Kempen Kebersihan dalam skala besar dan secara bersepada telah diadakan yang mana setiap kementerian akan menjalankan kempen masing-masing mengikut jadual. Kempen ini diharap akan dapat meningkatkan kesedaran serta pembabitan masyarakat untuk lebih aktif dalam mendukung usaha-usaha berkaitan kebersihan dan meningkatkan kebersihan persekitaran.

Objektif kempen ini ialah untuk memberi kesan positif dan menerapkan nilai rasa tanggungjawab kepada masyarakat bagi amalan kebersihan kampung-kampung dan Kawasan persekitaran di samping menggalakkan orang ramai untuk bersama-sama, memupuk rasa perpaduan orang ramai bagi menangani isu kebersihan.

Selain itu, kempen ini juga adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan alam sekitar yang bersih dan kesan kepada alam sekitar. Ia juga menyumbang kepada kesihatan dan keselamatan masyarakat untuk mengurangkan risiko isu kesihatan. Kempen juga diharap untuk menggalakkan perubahan yang berkekalan bagi orang awam untuk mengamalkan tabiat bersih.

Dalam kempen ini, lebih 406 kilogram sampah telah dikumpulkan pada akhir kempen berkenaan. Dengan adanya Kempen Kebersihan ini diharap akan dapat memberikan kesedaran dan menanamkan kefahaman kepada orang ramai khususnya warga negara ini untuk memastikan kebersihan tanggungjawab bersama bukan hanya pada pihak kerajaan semata-mata.

Negara yang bersih bukan sahaja mencerminkan imej negara kita malahan menggambarkan identiti rakyatnya juga. Negara yang maju pasti bersih dan rakyatnya akan memperlihatkan kesungguhan menjaga kebersihan.

Isu berkaitan kebersihan di negara ini bukanlah sesuatu yang remeh. Sebaliknya masyarakat kita masih ada lagi terkebelakang dari segi amalan kebersihan dan tidak berdisiplin di dalam amalan kebersihan seperti tidak membuang sampah merata-rata. Kita sering terbaca dan juga melihat sendiri bagaimana sampah dibuang dari dalam kereta ke atas jalan raya. Daripada masalah sekecil ini kita tidak dapat tangani maka beban menyelenggarakan bahan buangan dan sampah sarap akan terus meningkat. Disiplin dalam menjaga kebersihan perlu diterapkan kepada anak-anak sebelum mereka menginjak dewasa. 'Melentur buluh dari rebung', inilah pepatah yang sesuai untuk mengajar anak-anak kita agar lebih peka dengan amalan kebersihan.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

# PROAKTIF PANTAU, CARI ASNAF ZAKAT

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengenai dengan kutipan jumlah zakat setakat ini dan berapa banyak telah diagihkan kepada asnaf-asnaf yang berhak serta bagaimana cara pengagihan dibuat.

Titah baginda, adakah semata-mata menunggu pemohon untuk memohon atau ada usaha proaktif untuk memantau atau mencari sendiri ahli-ahli asnaf yang berhak menerima zakat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan perkara tersebut semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di Jalan Menteri

Besar pagi tadi.

Mengenai asnaf fakir miskin yang memohon, baginda bertitah, ada kedengaran mereka itu menunggu jawapan sangat lama sedang mereka memerlukannya segera. Begitu juga asnaf lain seperti Al-Gharimin, ada yang menunggu sampai berbulan atau mengandat tahun untuk mendapat jawapan sama ada diluluskan permohonan mereka ataupun tidak.

"Mengapakah begitu lama sekali menunggu? Sepatuunya menunggu lama-lama tidak berbangkit jika dalam tangan sudah sedia ada panduan yang menggariskan kategori-kategori mereka yang berhak atau tidak berhak sebagai penerima.

"Jika ini sudah ada, rasanya tidak lagi berbangkit pemohon menunggu lama-lama atau mesti berulang-ulik ke pejabat untuk bertanyakan permohonan mereka," tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Adapun dalam titah baginda

mengenai langkah proaktif untuk memantau atau mencari orang-orang yang berhak menerima zakat adalah suatu perkara yang munasabah, memandangkan terdapatnya orang-orang yang mungkin berhalangan untuk tampil memohon kerana sebab-sebab tertentu seperti warga emas yang tidak berupaya untuk memohon, golongan yang tidak tahu bagaimana untuk memohon, golongan yang tidak tahu adanya Baitulmal tempat memohon, golongan yang tidak ada kemudahan untuk memohon, golongan yang gagal mendapatkan pertolongan daripada ketua kampung untuk memohon. Semua ini boleh saja berlaku sama ada disedari ataupun tidak.

"Kata kita, ketua kampung adalah boleh menunggu, betul tetapi ada juga berlaku ketua kampung tidak peduli atau ada anak buah kampung yang memohonkan pertolongan daripada ketua kampung tetapi ketua kampung mencipta-cipta alasan tidak dapat menolong atau terus-terus

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

sahaja memutuskan bahawa anak buah yang memohon itu tidak layak untuk memohon. Ini biasa berlaku, bukan tidak berlaku.

"Adakah perkara seperti ini pernah turut didengar atau diketahui oleh pihak pengelola zakat dan jika pernah, inilah alasan makanya pihak berkenaan itu perlu bergerak untuk memantau atau mencari sendiri orang-orang yang berhak menerima zakat khasnya di ceruk-ceruk terpencil pedalaman dan seumpamanya," tambah baginda lagi.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat (BAKAZ), Jabatan Majlis Ugama Islam, KHEU telah pun dinaik taraf menjadi sebuah jabatan yang dinamakan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal bermula 1 Muhamarram 1445 bersamaan 19 Julai 2023.

Titah baginda, setelah menjadi jabatan, urus tadbir mengenai zakat akan berjalan

lebih lancar dan teratur terutama di BAKAZ.

Di samping itu, tegas baginda, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga perlu mengambil tahu akan tatacara ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu mukim menjalankan tugas untuk kebaikan anak buah kampung masing-masing.

"Titah baginda, jangan sampai ada ketua hanya nama ketua sahaja tanpa menyumbang khidmat kepada anak buah masing-masing.

"Kita mengadakan jawatan ketua ialah untuk jadi *indung* kepada rakyat dan penduduk setiap kampung, bukannya untuk jadi tuan yang tidak bersedia untuk menggalas tugas dan tanggungjawab.

"Selaku *indung* atau ketua, bukanlah tahan-tahan menunggu sahaja tetapi perlu proaktif untuk mengetahui sendiri kesusaahan-kesusaahan para anak buah kampung. Inilah namanya amanah untuk ditunaikan, bukan diabaikan," tegas baginda.

## Keberangkatan Tidak Berjadual ke KHEU, Sekolah Rendah Pulaie

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di Jalan Menteri Besar dan Sekolah Rendah Pulaie (atas, kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan



dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi tadi berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal

Ugama (KHEU) di Jalan Menteri Besar.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailara Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

>> Muka 4





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Sekolah Rendah Pulaie (atas dan kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, baginda berkenan berbual mesra semasa lawatan tersebut dan seterusnya melawat bilik sembahyang di sekolah berkenaan.

#### >> Muka 3

Lawatan dimulakan dengan sembah alu-aluan yang

disembahkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh



Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya

berkenan mengurniakan titah.

Semasa lawatan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan melawat Sekolah Rendah Pulaie

Sebelum mengakhiri lawatan, baginda juga berangkat melawat ke beberapa tempat di bangunan sekolah tersebut.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada para pelajar (atas), sementara gambar kanan, baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.



# PRESIDEN REPUBLIK DEMOKRATIK TIMOR-LESTE TIBA DI NBD

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hamzah Mohidin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Menteri Pengiring hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta.

## >> Muka 1

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Demokratik Timor-Leste ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Menteri Pengiring; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji

Hambali; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Wan Hadfi Lutfan bin Haji Abdul Latif; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Gutterres.

Semasa Lawatan Negara berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

TYT Presiden Republik Demokratik Timor-Leste berserta rombongan tiba di Bandar Seri Begawan bagi mengadakan Lawatan Negara selama empat hari ke Negara Brunei Darussalam.

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan menerima mengadap Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, TYT Dr. José Ramos-Horta serta rombongan.

Ini termasuk Majlis Sambutan Rasmi Negara; Majlis Perjumpaan Empat Mata; Majlis Perjumpaan Dua Hala; Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman; dan Majlis Santap Negara yang akan berlangsung di Istana Nurul Iman.

Lawatan Negara berkenaan merupakan lawatan pertama bagi TYT ke NBD sejak diangkat sumpah menjadi Presiden Republik Demokratik Timor-Leste.

Hubungan diplomatik di antara NBD dan Republik Demokratik Timor-Leste telah dijalin pada 20 Mei 2002, dengan kerjasama dua hala adalah tertumpu kepada bidang pendidikan dan latihan, serta perkhidmatan udara.



TURUT hadir mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Demokratik Timor-Leste ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.



## Surah Al-Mulk : Hindarkan pembacanya daripada seksa kubur

### ■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 November. - Antara kelebihan Surah Al-Mulk ialah dapat memohon syafaat bagi pembacanya sehingga diampunkan dosa pembacanya.

Ini berdasarkan hadis Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Tarmidzi : "Ada satu surah dalam Al-Quran yang berjumlah 30 ayat di mana surah tersebut akan memintakan syafaat bagi pembacanya hingga dia diampuni. Surah itu adalah *Tabarakallazi biadihil mulk*".

Di dalam hadis yang lain juga, Surah Al-Mulk dinamakan *al-maani'ah* (penghalang) kerana ianya menghindarkan pembacanya dari seksa kubur. Ini bertepatan dengan sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : "Barang siapa membaca Surah Al-Mulk setiap malam, Allah Ta'alā akan menghindarkannya daripada seksa kubur dengan surah tersebut". (Hadith riwayat An-Nasaie).

Demikianlah antara huraian inti sari dan pengajaran ayat daripada Tadabbur Surah Al-Mulk yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhammad Najib bin Haji

Awang, bagi menyemarakkan Malam Munajat Kali Ke-110.

Acara Munajat pada malam tadi mengundang tetamu khas, Pemangku Timbalan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha, selaku Ra'es Persatuan Bahasa Arab Brunei, bagi memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Surau KUPU SB.

Turut menyertai Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Mengimarahkan lagi acara tersebut ialah penyertaan Ahli Persatuan Bahasa Arab Brunei; warga KUPU SB; belia-belia; Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah serta Belia Masjid Kampung Sungai Hanching; serta penyertaan sebanyak 88 buah masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara.

Turut meramaikan ialah warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan serta Institusi

Pendidikan di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Mulk oleh Pegawai Pelajaran Dalam Bidang Bahasa Arab, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Muhammad Adi Adham bin Ramli, selaku Timbalan Setiausaha Persatuan Bahasa Arab.

Seterusnya Doa Munajat dibacakan oleh Dekan Fakulti Syariah KUPU SB Awang Haji Md Syahiran bin Haji Md. Sofian, manakala bacaan Zikir Taubat pula dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut, Awang Haji Mohd Rudzaini bin Haji Mohamad, yang juga merupakan ahli Persatuan Bahasa Arab.

Bagi memberkati acara Malam Munajat, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dari Masjid Kampung Sungai Hanching, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon



TURUT menyertai Malam Munajat tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

keampunan dari Allah Subhanahu Wata'alá dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah sangat dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau Facebook Page rasmi PDI di pautan <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

# FIRQAH HALAWATUL ASWATS, FIRQAH HALAWATUZZAHRA JOHAN PERTANDINGAN TAUSYEH



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Tausyeh Peringkat Akhir 2023 yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (atas). Sementara gambar atas kanan, antara peserta yang mengikuti pertandingan tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 November. - Firqah Halawatul Aswats dan Firqah Halawatuzzahra masing-masing bergelar johan Kategori Lelaki dan Perempuan pada Pertandingan Tausyeh Peringkat Akhir 2023 yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Johan membawa pulang wang tunai berjumlah BND3,000 berserta Piala dan Sijil Penyertaan.

Naib johan bagi Kategori Lelaki disandang oleh Firqah Arroja manakala Kategori Perempuan pula ialah Firqah Ulfatunnisa

yang masing-masing membawa pulang wang tunai berjumlah BND2,000 berserta Piala dan Sijil Penyertaan.

Menduduki tempat ketiga ialah Firqah Nurul Ithihad bagi Kategori Lelaki dan Wardatul Jannah bagi Kategori Perempuan yang masing-masing membawa pulang wang tunai berjumlah BND1,000 berserta Piala dan Sijil Penyertaan.

Pada pertandingan tersebut, Firqah Halawatul Aswats juga terpilih sebagai Kumpulan Terbaik dengan membawa pulang wang tunai berjumlah BND500

serta Piala.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Data Paduka Haji Awang Othman yang seterusnya juga menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



Raffizana bin Pengiran Haji Razali; Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Muhammad Kifli; pegawai-pegawai kanan RTB dan para penaja.

Para peserta Pertandingan Tausyeh Peringkat Akhir 2023 anjuran Jabatan RTB dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Dewasa Lelaki dan Kategori Dewasa Perempuan berkumpulan yang berumur 18 hingga 40 tahun.

Pertandingan tersebut ditaja oleh Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikatnya iaitu Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd. Objektif Pertandingan Tausyeh

diadakan adalah untuk menjadikan seni nyanyian bercorak keagamaan Islam sebagai salah satu alternatif kaedah berdakwah, selaras dengan konsep negara ini sebagai sebuah Negara Zikir yang berpaksikan konsep Melayu Islam Beraja.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi menambah koleksi lagu-lagu tausyeh untuk siaran RTB serta meningkatkan rasa kecintaan masyarakat di negara ini terhadap agama dan bangsa melalui alunan kata-kata kecintaan, selawat serta pujian terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pertandingan Peringkat Akhir itu disiarkan secara langsung menerusi Rangkaian Radio Nur Islam, RTB Aneka dan RTBGo.

## Solidariti kepada rakyat Palestin, semaikan perpaduan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mendengarkan Kuliah Subuh yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (atas). Sementara gambar kanan dan bawah kanan, suasana 'Steps for Solidarity : A Fundraising Peace Walk for the Palestinian Humanitarian Fund' yang berlangsung di BIBD Connects, Taman Mahkota Jubli Emas.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 November. - Lebih 8,000 orang terdiri daripada masyarakat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam termasuk kumpulan komuniti diplomatik di negara ini telah menyertai 'Steps for Solidarity : A Fundraising Peace Walk for the Palestinian Humanitarian Fund' yang berlangsung di BIBD Connects, Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara.

Acara tersebut adalah anjuran beberapa Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs), organisasi dan perniagaan preneur impak sosial serta pertubuhan belia iaitu Majlis Belia Brunei, Big BWN Project, Projek FEED, Lily Imani, Young Professionals Network, Brunei Medical Association, Brunei Ophthalmology Society, MUBN Learning & Growth Company dan Riyya.

Acara berjalan kaki sejauh 2.5 kilometer itu bermula 6.00 pagi dari BIBD Connects dan sepanjang

Taman Mahkota Jubli Emas sebagai acara utama, dan berakhir di BIBD Connects.

Bagi memeriahkan lagi acara, Pop-Up Sales juga turut diadakan di kawasan BIBD Connects yang menampilkan empat vendor tempatan, iaitu Coffee Field, Star Anise, Urban Kitchen dan N8labhouse.

Lebih enam tabung khas telah disediakan bagi membolehkan orang ramai membuat sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin.

Selain itu, vendor-vendor yang mengambil bahagian telah menyumbangkan 100 peratus daripada keuntungan mereka kepada Tabung Kemanusiaan tersebut.

Lebih BND1,100 telah dikutip melalui vendor-vendor, tidak termasuk tabung khas yang akan diberikan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bagi pengiraan dan

pengesahan.

Inisiatif tersebut bertujuan untuk menyatukan masyarakat sebagai menunjukkan solidariti kepada rakyat Palestin, menggalakkan keamanan, memupuk kesedaran dan melibatkan diri dalam aktiviti pengumpulan dana yang positif untuk semua peringkat umur.

Terlebih dahulu, program dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah dan diikuti dengan Kuliah Subuh yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Hadir ke majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Data Paduka Haji Awang Othman.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



>> Muka 9

# Kempen Kebersihan Brunei Darussalam



**KEMPEN** Kebersihan dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang hadir selaku tetamu kehormat dan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan.

Oleh : Dk. Vivy Maessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Sabtu, 4 November. - Kempen Kebersihan dalam skala besar dan secara bersepada adalah diharap akan dapat meningkatkan *community involvement* atau *community engagement* agar masyarakat

lebih aktif dalam mendukung usaha-usaha berkaitan kebersihan dan meningkatkan kebersihan persekitaran.

Sehubungan itu, salah satu acara Kempen Kebersihan telah dirasmikan hari ini oleh Menteri

Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang hadir selaku tetamu kehormat dan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan.

Acara perasmian diadakan di Dataran Balai Raya Gong 3, Kampung Lamunin, di sini.

Objektif kempen ini ialah untuk memberi kesan positif dan menerapkan nilai rasa tanggungjawab kepada komuniti bagi amalan kebersihan kampung-kampung dan kawasan persekitaran disamping menggalakkan ahli komuniti untuk bersama-sama, memupuk rasa perpaduan dalam lokaliti warga kampung bagi menangani isu kebersihan.

Selain itu, kempen ini juga adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan alam sekitar yang bersih dan kesan kepada alam sekitar. Ia juga menyumbang kepada kesihatan dan keselamatan masyarakat untuk

**ANTARA** yang menyertai Kempen Kebersihan.

mengurangkan risiko isu kesihatan. Kempen juga dihasrat untuk menggalakkan perubahan yang berkekalan bagi orang awam untuk mengamalkan tabiat bersih.

Kempen inisiatif Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan ini melibatkan sektor kerajaan dan swasta, institusi pendidikan, institusi kewangan, penghulu dan ketua-ketua kampung, penduduk kampung, serta sukarelawan yang disertai lebih kurang 400 orang.

Lebih 406 kilogram sampah telah

dikumpulkan pada akhir kempen berkenaan. Berikutnya acara perasmian Kempen Kebersihan ini, setiap kementerian akan menjalankan kempen masing-masing mengikut jadual.

Turut hadir semasa acara perasmian Kempen Kebersihan ini ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Pemangku Pegawai Daerah Tutong.



# HPPPN : IKTIRAF JASA PELADANG, PETANI, PENTERNAK, NELAYAN



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada perasmian berkenaan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah kepada penerima.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

## >> Muka 1

Dayang Hajah Tutiati seterusnya berkata, bagi industri agrimakanan nilai keluaran kasar meningkat sebanyak 12.44 peratus, iaitu daripada BND150.23 juta pada 2020 kepada BND168.92 juta pada 2022.

Tambahnya, pada September 2023 yang lalu, Negara Brunei Darussalam melalui kerjasama antara KSSUP dengan Darussalam Enterprise (DARe) melakar sejarah dengan pengekspor produk daging diproses dan produk makanan sejuk beku ke Sabah untuk menyumbang dan menyokong objektif kebangsaan Wawasan Brunei 2035 mengenai kepelbagaian ekonomi.

"Syarikat-syarikatnya adalah terdiri daripada BMC Food Industries Sdn. Bhd. bagi produk *corned beef*, PDS Abattoir Sdn. Bhd. bagi produk *corned beef*, *beef burger* dan *beef garlic sausage*,

dan Royal Brunei Culinary Sdn. Bhd. bagi produk *pastries* dan *Kek Batik*.

"Pada bulan yang sama juga, KSSUP dengan kerjasama DARe menjalankan inisiatif eksport pertama pelbagai jenis produk makanan berproses ke Mustafa Centre, Singapura terdiri daripada syarikat-syarikat seperti Marimin Sdn. Bhd., Perusahaan Sahamada Sdn. Bhd., Ghanim International Corporations Sdn. Bhd., Taurean Bakeshop dan Sabli Food Industries Sdn. Bhd. untuk menembusi pasaran di Singapura," ujarnya.

Adalah diharapkan jelas Dayang Hajah Tutiati lagi, usaha-usaha berkenaan akan menjadi pembakar semangat kepada pengusaha-pengusaha lain untuk terus bergiat aktif dalam sama-sama meningkatkan lagi hasil pengeluaran produk pertanian, agrimakanan dan perikanan.

Justeru itu tambahnya, Majlis

Penyampaian Anugerah HPPPN adalah untuk mengenang jasa dan usaha serta sumbangan yang diberikan oleh para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam menjana pembangunan ekonomi negara amnya dan khususnya dalam Sektor Pertanian dan Perikanan yang giat mendukung hasrat KSSUP dalam meningkatkan pengeluaran di samping menjana sekuriti makanan negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada perasmian berkenaan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah kepada para pemenang, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Pada majlis berkenaan juga turut menyaksikan seramai tujuh pemenang Sektor Pertanian mengikut kategori menerima anugerah mereka antaranya Anugerah Khas Peladang dan Petani Berdaya Maju yang diberikan kepada Dayang Eileen Lee Hui Shi daripada Gropoint Sdn. Bhd.; Anugerah Khas Peladang dan Petani Menembusi Pasaran Eksport diterima oleh Awang Ong Chek Thiam daripada Golden Chick Livestock Farm Sdn. Bhd.; Anugerah Pengusaha Padi Berjaya dianugerahkan kepada Awang Haji Adanan bin Saat daripada Syarikat H.A.S Humaira.

Sementara itu, Anugerah Khas Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (Sektor Pemprosesan) diberikan kepada Awang Alassarir @Abdullah Az-Zuhri bin Haji Awang Othman dan Dayang Hajah Zuhairah binti Haji Saidin daripada Syarikat Rizqussalam; Anugerah Khas Penternak dan Nelayan Menembusi Pasaran Eksport pula diterima oleh Awang Chiam Tat

Ideal Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd.; Anugerah Khas Penternak dan Nelayan (Sektor Pemprosesan Agrimakanan) diterima oleh Awang Haji Jeffhadiman bin Dato Haji Danial daripada Royal Brunei Culinary Sdn. Bhd.; dan Anugerah Khas Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (Sektor Pemprosesan Agrimakanan bagi Kategori Pengusaha Kecil dan Sederhana) pula dianugerahkan kepada Dayang Hajah Rosnani binti Haji Abd. Hamid daripada Syarikat Nikmat Rose Storage.

Manakala, enam pemenang Sektor Perikanan menerima anugerah masing-masing mengikut kategori yang didahului oleh penerima Anugerah Khas Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan Cemerlang (Sektor Akuakultur Ternakan Udang Laut) kepada Awang Chuah Chyh Chung daripada Heif Aquaculture Sdn. Bhd.; Anugerah Khas Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan Cemerlang (Sektor Akuakultur Ternakan Ikan) diberikan kepada Awang Haji Baharuddin bin Haji Baha daripada Syarikat Seri Paring; Anugerah Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan Berdaya Maju (Sektor Tangkap Ikan) pula dianugerahkan kepada Awang Haji Othman bin Haji Salleh daripada Syarikat Haji Salleh bin Dullah dan Anak-anak.

Seterusnya, Anugerah Khas Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (Sektor Pemprosesan) diberikan kepada Awang Alassarir @Abdullah Az-Zuhri bin Haji Awang Othman dan Dayang Hajah Zuhairah binti Haji Saidin daripada Syarikat Rizqussalam; Anugerah Khas Penternak dan Nelayan Menembusi Pasaran Eksport pula diterima oleh Awang Chiam Tat

Tsian@Alex daripada Barramundi Group (B) Sdn. Bhd.; dan Anugerah Khas Belia Harapan dianugerahkan kepada Awang Ahmad Fathi bin Dr. Haji Norfarhan daripada Fatih Aquaculture.

Dengan mengambil kira usaha negara dalam memastikan jaminan sekuriti makanan negara, tema sambutan kali ini ialah 'Memperkasa Produk Tambah Nilai, Pemacu Ekonomi Negara' yang memberi tumpuan kepada meningkatkan pengeluaran tempatan melalui produk tambah nilai.

Sambutan HPPPN pada tahun ini diadakan sehingga 5 November 2023, dan pelbagai acara diisikan dengan jualan-jualan produk pertanian, perikanan dan agrimakanan oleh para peladang, petani, penternak dan nelayan serta pengusaha agrimakanan daripada keempat-empat daerah.

Selain itu, beberapa program dan aktiviti juga turut diselenggarakan seperti sesi penilaian cita rasa produk yang disampaikan oleh para pengusaha pertanian dan perikanan dan acara Briskwalk pada 5 November 2023.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Yang Berhormat Awang Lau How Teck; Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di KSSUP; ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Juga dijemput hadir ialah para peladang, petani, penternak dan nelayan serta para pengusaha agrimakanan di seluruh negara.

# Platform kongsi perundangan syariah untuk warga emas

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**TEMBURONG,** Sabtu, 4 November. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Unit Perundangan Islam mengadakan satu projek dinamakan Klinik Undang-Undang Syariah bertemakan 'R'iayah Warga Emas' bertempat di Dewan Belalong, Daerah Temburong.

Klinik berkenaan dikendalikan oleh tenaga penasihat daripada pelbagai agensi kerajaan, iaitu Jabatan Pembangunan

Masyarakat; Mahkamah Syariah; Mahkamah Besar; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal; Bahagian Pendakwaan Syar'ie, Bahagian Penguatkuasaan Ugama dan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU.

Antara objektif Klinik Undang-undang Syariah berkenaan diadakan adalah untuk meningkatkan lagi pengetahuan



KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama melalui Unit Perundangan Islam mengadakan Klinik Undang-Undang Syariah bertemakan 'R'iayah Warga Emas'.

dan kesedaran warga emas mengenai hak dan perlindungan mereka di bawah undang-undang syariah, di samping mengumpul maklumat mengenai masalah yang dihadapi oleh warga emas bagi sebarang penambahbaikan terhadap dasar perundangan syariah yang sedia ada.

Klinik berkenaan disertai oleh warga emas Daerah Temburong yang terdiri daripada Majlis Perundangan Kampung, Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah Masjid, Pusat Kegiatan Warga Emas, Pertubuhan WARGAMAS dan Persatuan Saudara-saudara Baru.

Klinik berkenaan menangani persoalan yang diajukan oleh peserta mengenai isu-isu kekeluargaan, pengurusan harta dalam Islam dan jenayah syariah.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Di samping pengendalian Klinik Undang-undang Syariah oleh tenaga penasihat daripada pelbagai agensi kerajaan berkaitan, acara turut dimuatkan dengan sesi 'Sembang Undang-Undang



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Klinik Undang-Undang Syariah yang diadakan di Dewan Belalong, Daerah Temburong.

Syariah' oleh Pemangku Penolong Pengarah Unit Perundangan Islam, Dayang Mahani binti Awang Haji Suhaili, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Klinik Undang-Undang Syariah 'R'iayah Warga Emas'.

Dengan penglibatan orang ramai khususnya warga emas dan kerjasama daripada para tenaga

penasihat klinik, projek berkenaan diharapkan akan dapat memberi perkhidmatan undang-undang yang lebih berkesan melalui pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government dan ia akan dilaratkan bagi penyertaan warga emas seluruh negara agar lebih ramai pihak dapat meraih manfaat daripadanya.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**PEMANGKU** Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 November. - Seramai 26 warga emas yang terdiri daripada jemaah lelaki dan perempuan Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun diraikan pada satu Majlis Penghargaan sebagai menghargai jasa dan sumbangan yang mereka curahkan dalam sama-sama menggerakaktifkan aktiviti-aktiviti masjid dan juga luar masjid.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun itu ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Berucap pada majlis tersebut, Awang Haji Amir Hisham berkata, majlis berkenaan adalah sebagai penghargaan kepada warga emas masjid yang telah sama-sama tidak ketinggalan dan melibatkan diri dalam menjayakan aktiviti dan kegiatan masjid sama ada yang diadakan di dalam maupun luar masjid.

Antara kegiatan itu ialah bukan sahaja melibatkan aktiviti pada

peringkat masjid dan kampung bahkan juga aktiviti kenegaraan seperti sambutan acara Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seumpamanya.

"Ini jelas menunjukkan bahawa penglibatan warga emas di dalam aktiviti dan program masjid masih sahaja berterusan tanpa dihalangi oleh batasan umur bahkan masih sahaja giat di dalam aktiviti mengimarahkan masjid dan sekali gus menjadi penyuntik semangat kepada golongan muda dan belia untuk sama-sama mengimarahkan masjid dan agar cahaya dan syiar agama Islam terus terpelihara dan dirasakan," ujarnya.

Awang Haji Amir Hisham seterusnya menjelaskan, masjid juga berperanan selaku hab komuniti atau pusat masyarakat di mana padanya diadakan beberapa aktiviti sekali gus menjadi tempat pertemuan warga kampung untuk bersosial dan bertanya khabar di antara satu sama lain.

Sehubungan ini, pihak masjid secara tidak langsung juga menjadi mata dan telinga pihak kerajaan untuk melihat apa jua kesulitan dan

keperluan warga emas untuk dihubungkan kepada pihak yang bersesuaian termasuk yang berkaitan dengan perkhidmatan agama.

"Kita semua sedia maklum bahawa terdapat pelbagai isu-isu yang dikaitkan dengan pengurusan warga emas yang telah diketengahkan oleh pelbagai agensi termasuklah dari sudut kesihatan mental dan fizikal, mobiliti dan akses, skim penipuan dalam talian dan kebajikan serta tanggungjawab sosial. Isu-isu tersebut memerlukan kesedaran yang aktif bagi sama-sama menjamin keselamatan dan keselesaan warga emas," tambahnya.

Beliau turut mengongsikan, menurut data dan statistik yang diterbitkan oleh pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi di dalam Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2022 Edisi Ke-46, kira-kira 10 peratus atau 46,600 orang daripada penduduk di negara ini pada tahun 2022 adalah merupakan golongan warga emas di antara umur 60 hingga 85 tahun dan seterusnya.

"Dengan jumlah dan bilangan

tersebut, saya penuh berharap agar jabatan-jabatan berkepentingan di dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama di dalam merangka dan menggalakkan inisiatif mahupun fokus strategik serta Petunjuk Prestasi Utama bagi Rancangan Strategik Kementerian, juga akan melihat dan meneliti aspek keperluan warga emas dalam penyampaian perkhidmatan ugama sesuai dengan status negara sebagai sebuah ageing nation," jelasnya.

Terdahulu, Ketua Imam Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, Awang Haji Abu Samah Shukri bin Haji Mohd. Hussein dalam ucapannya berkata, sumbangan dan buah fikiran serta tenaga yang disumbangkan oleh warga emas kepada pihak masjid, adalah sangat bermakna dan besar terutamanya kepada pihak masjid.

"Warga emas adalah yang memenuhi ruang-ruang masjid terutamanya pada sembahyang waktu berjemaah. Selain itu,

**KETUA** Imam Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, Awang Haji Abu Samah Shukri bin Haji Mohd. Hussein semasa berucap pada majlis tersebut.

sumbangan abiskita dalam menggiatkan aktiviti masjid bersama kami dalam apaja aktiviti adalah sangat-sangat dihargai," tambahnya.

Majlis turut mendengarkan ucapan daripada wakil warga emas masjid, Awang Haji Suhaili bin Haji Moktar.

Pada majlis tersebut warga-warga emas yang diraikan menerima sijil penghargaan mereka yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan menyaksikan Galeri Masjid.



# BACAAN SURAH YAA SIIN ZAHIR RASA KASIH KEPADA PENDUDUK PALESTIN

■ Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid



**KIARONG**, Sabtu, 4 November. - Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong mengadakan Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Ratib Al-Attas serta Doa Memohon Keselamatan Bagi Penduduk Palestin Bagi Kelas Bimbingan Muslimah Seluruh Negara.

Acara berkenaan juga diselajurkan dengan kutipan derma berupa kewangan daripada para Muslimah yang hadir untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Majlis berlangsung di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

Antara tujuan acara berkenaan diadakan adalah untuk menzahirkan rasa kasih kepada



MAJLIS Bacaan Surah Yaa Siin dan Ratib Al-Attas serta Doa Memohon Keselamatan Bagi Penduduk Palestin Bagi Kelas Bimbingan Muslimah Seluruh Negara dihadiri oleh isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Awang Asbi selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

penduduk Palestin dan membantu mereka melalui doa-doa yang dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping mendorong para Muslimah untuk mengamalkan doa dan wirid ketika ditimpak musibah dan mendoakan saudara-saudara yang menghadapi kesusahan.

Majlis berkenaan juga diharatkkan untuk menyemai rasa tanggungjawab bagi sama-sama membantu saudara yang berada

di Gaza dengan menghulurkan bantuan berupa kewangan sekali gus mengerakkan lagi silaturahim dalam kalangan Muslimah Masjid Senegara.

Hadir selaku tetamu kehormat, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Awang Asbi.


Turut hadir, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, isteri Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan isteri

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU serta Muslimah Masjid Senegara.

Semoga dengan adanya program seumpama berkenaan akan dapat memberi kesedaran kepada para Muslimah untuk sentiasa menyerahkan diri kepada Allah dalam setiap waktu terutama ketika menghadapi musibah dengan memperbanyak zikir, doa, wirid serta bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala.

## Pengundian calon Ketua Kampung Bukit Panggal, Luagan Dudok

■ Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



Awang Nasar, berusia 31 tahun pada tarikh pencalonan.

Seramai 123 penduduk kampung daripada seramai 195 orang yang berdaftar dan layak mengundi telah mengundi calon untuk mengisikan jawatan Ketua Kampung Bukit Panggal dan Luagan Dudok, yang mana 22 orang telah mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK dan 101 orang menggunakan kertas undi.

Majlis Pengundian dan Pemilihan tersebut telah menyaksikan sebanyak 91 undi telah bersetuju.

Manakala 29 undi tidak bersetuju dan tiga dikategorikan sebagai undi rosak.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Bukit Panggal dan Luagan Dudok akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tataatribut Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

**TUTONG**, Ahad, 5 November. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Bukit Panggal dan Luagan Dudok, Mukim Keriam telah diadakan hari ini bertempat di Pusat Kemasyarakatan Kampung Luagan Dudok menggunakan kaedah kertas undi.

Manakala pengundian

menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada Jumaat, 3 November 2023 yang lalu.

Calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Bukit Panggal dan Luagan Dudok ialah Awang Mohammed Dandarawi bin Haji

Calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Bukit Panggal dan Luagan Dudok ialah Awang Mohammed Dandarawi bin Haji Wasallam.

Sebagai saudara satu akidah katanya, sudah semestinya kita berasa prihatin dengan keadaan rakyat Palestin yang sedang menghadapi ujian besar.

Menurutnya, di antara langkah yang boleh kita lakukan untuk membantu saudara-saudara kita di Palestin adalah seperti bantuan

### >> Muka 6

Kuliah antara lain menyentuh mengenai bumi Palestin yang merupakan bumi yang diberkati dan penduduknya pula memiliki keistimewaan di sisi Allah dan di sisi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sebagai saudara satu akidah katanya, sudah semestinya kita berasa prihatin dengan keadaan rakyat Palestin yang sedang menghadapi ujian besar.

Menurutnya, di antara langkah yang boleh kita lakukan untuk membantu saudara-saudara kita di Palestin adalah seperti bantuan

sumbangan yang diperlukan di sana seperti makanan, pakaian, kelengkapan perubatan dan sebagainya.

"Tidak kurang juga sebagai umat Islam, kita diperintahkan oleh Allah untuk sentiasa memanjangkan doa kerana sebagaimana yang telah disabdarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahwasanya doa itu merupakan senjata orang-orang beriman," ujarnya.

Beliau seterusnya menambah bahawa doa perlu dilaksanakan dengan seikhlas hati, dengan menanamkan perasaan rahmat kasih sayang di dalam hati, khusuk bermunajat sambil

berusaha mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, memahami doa yang kita panjatkan, membacanya dengan penuh harapan dan keyakinan bahawa doa kita akan diperkenankan Allah Subhanahu Wata'ala. Program disokong bersama oleh JAPEM, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pusat Promosi Kesihatan, BIBD Connects, Sukarelawan Belia, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'datul Bolkiah (PAPRSB IHS) UBD, Projek #INFAQ1 dan Beveragesbywafi.



MAJLIS Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Bukit Panggal dan Luagan Dudok, Mukim Keriam yang diadakan di Pusat Kemasyarakatan Kampung Luagan Dudok (atas dan kiri).

جاین فرانچن ایکو تومی دان ستایسستیک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL EHWAH PENGETAHUAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

#### Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang anda sampai, kana mulihkan usinkukan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

#### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# PELIHARA, LESTARIKAN PANTUN MELAYU BRUNEI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

## >> Muka 1

"Upaya pencalonan Pantun Melayu Brunei ini bukanlah satu perkara yang mudah. Walau bagaimanapun, DBP sentiasa terus menggerakkan usaha ini dengan melaksanakan dan menindaki pelbagai inisiatif serta strategi agar pantun warisan milik negara ini juga akan turut diiktiraf sepertimana Malaysia dan Indonesia yang berjaya mengangkat pantun untuk tersenaraikan sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara, UNESCO pada 17 Disember 2020," ujarnya.

Menurutnya, pengiktirafan UNESCO itu akan menjadi medan untuk melindungi, melestarikan dan memelihara pantun sebagai warisan bangsa Melayu.

Beliau menambah, salah satu projek mega jabatan yang diusahakan oleh BPDP ialah Projek Penyelidikan Pantun Melayu Brunei di Negara Brunei Darussalam dan Penyebarannya di Kepulauan Borneo yang diupayakan sejak tahun 2015.

Keberhasilan projek itu katanya lagi, akan diteruskan dengan penerbitannya yang dijangka akan dilancarkan pada tahun 2024.

Taklimat juga turut disampaikan oleh Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit.

Turut hadir pada taklimat tersebut ialah Yang Berhormat

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. BPDP bertanggungjawab sepenuhnya dalam usaha pengumpulan Pantun Melayu Brunei bermula pada tahun 2015 dan hasil penyelidikan di seluruh negara (keempat-empat daerah), Tim Penyelidik berjaya mengumpul lebih 10,000 rangkap pantun yang akan direalisasikan penerbitannya dalam masa terdekat.

Selain usaha-usaha tersebut, jabatan tersebut melalui BPDP sedang giat mengusahakan kerja-kerja bagi mencalonkan Pantun Melayu Brunei dalam Daftar Representatif dalam UNESCO.

Antara objektif pencalonan Pantun Melayu Brunei itu dilaksanakan adalah bagi memangkin kesedaran masyarakat untuk terus melindungi dan melestarikan Pantun Melayu Brunei sekali gus menjadikannya sebagai salah satu produk untuk penjanaan ekonomi negara; serta mengukuhkan hubungan dan perpaduan sosial dalam kalangan masyarakat untuk sama-sama mengamalkan dan mengetengahkan Warisan Budaya Tidak Ketara khususnya penggiat, pengamal atau pewaris Warisan Budaya Tidak Ketara.

Dengan adanya sokongan dan dukungan yang padu daripada komuniti dan pendukung pantun itu akan mengukuhkan lagi usaha pencalonan Pantun Melayu Brunei

PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab semasa berucap.



dalam Daftar Representatif dalam UNESCO yang secara langsung menjadi bukti penglibatan dan peranan institusi serta masyarakat dalam sama-sama meningkatkan kesedaran untuk melestarikan dan memelihara seni pantun.



## MINDA PEMBACA

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Menghargai Makna Keamanan'. Tarikh Tutup : 8 November 2023
- 'Semarak Perpaduan Melalui Makanan'. Tarikh Tutup : 15 November 2023
- 'Pantau Kualiti, Keselamatan Makanan Tempatan'. Tarikh Tutup : 22 November 2023

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



ANTARA yang hadir pada Taklimat Pencalonan Pantun Melayu Brunei dalam Daftar Representatif Dalam Warisan Budaya Tidak Ketara (UNESCO) sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Konvensyen Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara 2003 (atas dan atas kanan).

**1**



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**2**



Status Permohonan Kerja

Bahagian	Status
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN
II	PROSES PERAKUAN
III	DIAJADUALKAN UNTUK UJIAN
IV	TIDAK HADIR
V	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA
VI	PEMOHON DITERIMA

**3**



Jun 2022

Ujian: Temu Duga

### Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

# BERI KESEDARAN, KEFAHAMAN MENGENAI ISU KEMANUSIAAN DI PALESTIN

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BERAKAS**, Ahad, 5 November. - Belia Masjid Senegara (BMSN) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan pelbagai badan-badan belia di negara ini mengadakan Program Brunei Bersama Palestin di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Program tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran dan kefaaman kepada orang ramai terutama masyarakat di Negara Brunei Darussalam mengenai isu-isu kemanusiaan yang berlaku di Palestin dan mengutip dana yang akan disalurkan ke Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Di samping itu, program juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim sesama belia dalam kerja amal kebajikan yang kolektif.

Perasmian program tersebut disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid,

Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari JHEM, pembimbang-pembimbang kumpulan BMSN dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi BMSN.

Ceramah Kesedaran Palestin pada program berkenaan bertajuk 'Baitul Maqdis in our hearts : Unraveling the Historical Threads and Ongoing Conflict in Palestine' disampaikan oleh penceramah dari KHEU, Awang Mohd. Yussof bin Haji Abdul Majid.

Dalam ceramah tersebut, beliau antara lain menerangkan mengenai sejarah konflik dan isu kemanusiaan yang dihadapi oleh rakyat Palestin.

Antara aktiviti lain yang juga diadakan sepanjang program berkenaan ialah deklamasi sajak, deklamasi puisi, sketsa lakonan, kid's corner dan jualan barang tema Palestin dengan keuntungan 100 peratus akan disumbangkan

Kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Program tersebut turut diisi dengan acara Munajat Qiamullail Palestin yang telah berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen.

**PEMANGKU** Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku tetamu kehormat pada Program Brunei Bersama Palestin.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Program Brunei Bersama Palestin.

## Musabaqah Membaca Al-Quran bermula 6 November ini

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 November. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi akan diadakan selama tiga hari berturut-turut, iaitu pada Isnin; Selasa; dan Rabu, 22 hingga 24 Rabiulakhir 1445H bersamaan 6 hingga 8 November 2023M, bermula jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.45 petang hingga selesai, bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Menurut kenyataan Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah dan Cenderamata kepada para peserta dan hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445H/2024M akan diadakan pada Khamis, 25 Rabiulakhir 1445H bersamaan 9 November 2023M di Dewan Muzakarah, ICC, Berakas.


Seramai 54 peserta terdiri daripada 43 qari dan 11 qariah akan memperdengarkan bacaan masing-masing pada hari pertama sehingga hari terakhir pertandingan.

Bagi memberi peluang orang ramai mengikuti musabaqah berkenaan, pihak jawatankuasa akan menyiaran secara langsung melalui akaun Facebook rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sama-samalah kita memajukan dan mengembangkan lagi bidang Al-Quran dan seterusnya mendorong masyarakat ke arah celik ilmu-ilmu Al-Quran dan ia juga sebagai wadah dan zikir untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, doa untuk memohon kepada-Nya serta peringatan supaya jauh daripada kelalaian.

سوره هنچای قر خدمت عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?



Layari [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)  
dan semak “Kalendar Saya”

+673 7371961

PSC.BN

query@spa.gov.bn

## Tinjauan suasana waktu tengah hari di sekolah rendah

Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 5 November. - Pengintegrasian mata pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum telah mula dilaksanakan pada Rabu, 1 November 2023 yang melibatkan pelajar-pelajar yang sebelum ini sedang menuntut pada peringkat Pra sehingga Darjah III sekolah ugama.

Dalam tempoh beberapa hari sejak usaha pengintegrasian ini dijalankan, pihak media telah meninjau perjalannya di beberapa buah sekolah-sekolah rendah.

Melalui pengintegrasian ini, pelajar-pelajar tersebut mengikuti pendidikan ugama mereka di sekolah rendah kerajaan, swasta dan antarabangsa masing-masing.

Sementara itu, pelajar-pelajar yang belajar dalam Darjah IV hingga Darjah VI sekolah ugama masih meneruskan pembelajaran di sekolah-sekolah ugama seperti lazimnya.

Mata pelajaran ugama yang diserapkan ke dalam jadual pendidikan umum adalah diajar selama satu jam pada setiap hari.

Waktu persekolahan rendah sama ada kerajaan, swasta mahupun antarabangsa bagi pelajar-pelajar yang terlibat dalam pengintegrasian ini adalah berubah dan diselaraskan masanya bermula jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan jam 1.30 petang hingga 3.00 petang.

Semasa waktu rehat tengah hari, iaitu dari pulak 12.00 tengah hari

hingga 1.30 petang, ibu bapa dan penjaga dibenarkan untuk mengambil anak-anak mereka keluar untuk makan tengah hari.

Sementara itu, ibu bapa dan penjaga juga dibenarkan untuk makan bersama anak-anak mereka di sekolah semasa waktu rehat tengah hari dan mengantar makanan kepada anak-anak yang masih berada (stayback) di sekolah.

Tinjauan ini bertujuan untuk melihat suasana waktu tengah hari di sekolah-sekolah rendah, di mana pelajar-pelajar yang berada di sekolah meluangkan masa untuk makan tengah hari dan Sembahyang Zohor Berjemaah bersama pelajar-pelajar lain dan guru-guru sebelum meneruskan sesi persekolahan pada sebelah petang.

# GALAK PENJAGAAN KAKI YANG BETUL, ELAK PENYAKIT DIABETES



**PROFESOR Dr. Muralidharan Nair (Neurology)** membentangkan kertas kerja pada simposium tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 November. - Diabetes seperti yang kita sedia maklum, mengakibatkan komplikasi makro dan mikrovaskular, terutamanya apabila ia tidak dikawal dengan baik atau dalam kes yang sudah lama berlaku.

Penyakit kaki dalam diabetes adalah komplikasi yang serius, malah, 85 peratus amputasi berkaitan diabetes berpunca daripada ulser kaki diabetes.

Perkara tersebut dinyatakan dalam ucapan alu-aluan Pemangku Pakar Perubatan (Endokorin), Pusat Endokorin, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Nurshazwani binti Haji Mat Salleh semasa Simposium Diabetes : Tumpuan kepada penyakit kaki diabetes, yang diadakan di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, di sini.

Menurutnya, ulser kaki kecil boleh tidak disebabkan oleh neuropati, yang membawa kepada jangkitan teruk yang sukar dirawat, terutamanya dengan poli-mikroorganisma keras yang terlibat.

Jika tidak didiagnosis atau dirawat lebih awal atau cukup

tegasnya, ia sering membawa amputasi bahagian bawah badan.

Tambahnya, penyakit kaki diabetik adalah punca morbiditi yang serius; ia mengurangkan kualiti hidup untuk pesakit dan memberi beban tambahan kepada penjagaan kesihatan.

Penyakit kaki diabetes jelasnya lagi, adalah agak biasa, dengan satu dalam empat pesakit diabetes mengalami ulser kaki pada satu ketika dalam perjalanan penyakit mereka.

Komplikasi kaki katanya, kekal sebagai kawasan yang terkadang terlepas pandang, dan pengurusannya yang berkesan mungkin tidak optimum atau terlambat kerana lewat didiagnosis.

Dr. Nurshazwani seterusnya menekankan mengenai nilai pemeriksaan kaki biasa di klinik semasa pesakit diabetes diberikan rawatan.

Pada masa yang sama ujarnya, mereka mesti menggalakkan penjagaan kaki yang betul untuk pesakit diabetes kerana dengan memperkasakan mereka dengan pengetahuan, mereka akan dapat mengenal pasti masalah yang berpotensi dan mendapatkan rawatan perubatan awal.

Simposium Diabetes : Tumpuan kepada penyakit kaki diabetes dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan bersempena Hari Diabetes Sedunia, dan dihadiri seramai 180 peserta terdiri daripada para doktor, jururawat dan profesional kesihatan bersekutu.

Beberapa ahli panel pakar yang terlibat dalam menguruskan penyakit kaki diabetes, daripada ahli endokrin, kepada neurologi, pakar bedah ortopedik, pakar bedah vaskular dan podiatri telah membentangkan kertas kerja masing-masing semasa simposium tersebut.

Para ahli panel terdiri dari Profesor Dr. Muralidharan Nair (Neurology) yang membentangkan kertas kerja bertajuk 'Diabetic Neuropathy', diikuti dengan pembentangan kertas kerja

bertajuk 'Diabetic Foot Infection & Complications - A Medical Perspective' yang disampaikan oleh Dr. Seenaj Chandran dan Dr. Muiz bin Dr. Haji Zulaidi (Endocrinology).

Manakala, Awang Haji Khairul 'Azmi bin Haji Md Kadir (Orthopedic Surgery) pula membentangkan kertas kerja bertajuk 'Diabetic Foot Infection - When Surgery is necessary'; dan pembentangan kertas kerja bertajuk 'Introduction to Hypo Box' disampaikan oleh Dr. Dayangku Amanina Nabihah binti Pengiran Matsah (Endocrinology).

Sementara itu, pembentangan kertas kerja bertajuk 'Peripheral Vascular Disease in patient with Diabetes Mellitus' telah disampaikan oleh Dr. Ashraf Salah Ahmed (Vascular Surgery); dan Dayang Hajah Majidah binti Haji Suhip (Podiatry) pula membentangkan kertas kerja bertajuk 'Peripheral Arterial Disease integrated care pathway'.

Melalui simposium tersebut, para profesional penjagaan kesihatan diharap akan dapat mengesahkan, merawat dan mengurus penyakit kaki diabetes dengan lebih baik tanpa berlengah-lengah.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

orang ramai bahawa jerayawara sempena Hari Diabetes Sedunia akan diadakan pada 12 November 2023 di Concourse, Ground Floor, The Mall, Gadong.



ANTARA yang hadir mendengarkan simposium tersebut.

جاین فرانځن ایکونومی دان ستاتیسټک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL HIRAL PENGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun


**PenggunaBijak**

























## KOTIBA, Tanggungan Berhad adakan Mesyuarat Agung Ke-39

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

selama 18 bulan.

Beberapa agenda turut dibincangkan semasa mesyuarat tersebut antaranya pembentangan Minit Mesyuarat Agung Ke-38; pembentangan Laporan Tahunan Setiausaha Agung bagi sesi 2022-2023; membentangkan dan meluluskan Kunci Kira-Kira bagi Penyata Kewangan berakhir 30 Jun 2022; Anggaran Belanjawan Koperasi bagi tahun 2023-2024; Pindaan Undang-Undang Kecil; Pembubaran Ahli Lembaga Koperasi Lama dan melantik Ahli Lembaga Koperasi yang baharu dan lain-lain lagi.

KOTIBA dengan Tanggungan Berhad ditubuhkan dengan visinya menjadi koperasi yang utama yang mampu membangun ekonomi untuk kesejahteraan ahli koperasi.

Ia juga bermatlamat untuk mewujudkan aliran pendapatan baru untuk koperasi; menubuhkan program pengalaman pelanggan dari semasa ke semasa; memperkuuhkan budaya

keselamatan, kesediaan, kecemasan dan kesinambungan perniagaan; dan melahirkan pemimpin-pemimpin dan tenaga kerja berwibawa yang mampu meningkatkan sara diri ke tahap lebih baik.

Antara misinya pula ialah untuk membina kesefahaman berkoperasi enam buah kampung, iaitu Kampung Salar, Kampung Tanah Jambu, Kampung Salambigar, Kampung Sungai Hanching, Kampung Sungai Tilong dan Kampung Sungai Manggis; mengeratkan hubungan kekeluargaan dan sosial penduduk kampung; merancang dan melaksanakan usaha-usaha yang menyumbang pertumbuhan ekonomi dan kemahiran berkoperasi; dan menghimpun dana dari keuntungan koperasi sebagai modal untuk menyelenggarakan berbagai aktiviti yang diusahakan secara sendiri, profesional, berkualiti dan telus yang hasilnya dinikmati oleh ahli koperasi.



**MESYUARAT Agung Ke-39 Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) dengan Tanggungan Berhad yang berlangsung di Dewan Mahligai Al-Barakah, Midvalley Shopping Centre.**

**SALAMBIGAR,** Ahad, 5 November. - Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) dengan Tanggungan Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung Ke-39, yang berlangsung di Dewan Mahligai Al-Barakah, Midvalley Shopping Centre, di sini.

Mesyuarat Agung tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Pengurusi Lembaga Koperasi Sesi 2022-2023, Dayang Hajah Normah binti Haji Ibrahim yang memberi penerangan mengenai perkiraan kewangan, inisiatif dan aktiviti KOTIBA.

Beliau juga mengongsikan mengenai Jawatankuasa Kecil Hartanah dan Bangunan yang telah menawarkan semula untuk perlaksanaan pembinaan Dewan Serbaguna mengikut peruntukan yang telah diluluskan dan dijangka akan memulakan pembinaannya

# سـرـدـلـهـ سـرـيـ

## بـهـيـاـ لـيدـهـ

مېېكىن كىرنىن دان كىرغۇڭن هوپوغۇن صلة الوجه، فرسلىسىھەن افته لاكىي  
منىمبولكىن دىنم دان قىرمۇسوھن. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة النحل آية  
١٢٥:

سـرـوـلـهـ كـجـالـنـ تـوهـنـمـوـ وـاهـيـ نـيـ مـعـمـدـ دـعـنـ حـكـمـ كـيـيـحـقـسـنـاـنـ دـانـ  
نصـبـحـتـ ئـقـاجـارـنـ يـغـ باـيـكـ دـانـ بـرـدـبـلـهـ دـعـنـ مـرـىـكـ دـعـنـ جـارـاـ يـغـ تـرـبـاـيـكـ.  
سـسـغـكـوـهـنـ تـوهـنـمـوـ، دـيـ يـغـ لـيـهـ مـغـتـهـوـيـ سـيـافـ يـغـ سـسـتـ درـقـ جـالـنـ دـانـ  
دىـالـهـ جـوـكـ يـغـ لـيـهـ مـغـتـهـوـيـ اـورـغـ اـورـغـ يـغـ منـدـافـتـ قـوـنـجـوـقـ.

إمام الغزالى رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ أَعُجُوبُكُونَ دَالِمَ كَايَشِ إِحْيَاءِ عِلُومِ الدِّينِ تَشَعُّ بِهِـاـ  
بـهـاـ اـتوـ كـجـاهـنــ كـجـاهـنــ لـيـدـهـ، اـنـتـارـاـ، بـرـجـاـكـفـ قـدـ فـرـكـارـاــ فـرـكـارـاـ يـغـ تـيـدقـ  
فـرـلـوـ اـتوـ سـيـاــ سـيـاـ، فـرـكـارـاــ فـرـكـارـاـ مـعـصـيـةـ، بـرـبـتـهــ بـتـهـ دـانـ بـرـتـعـكـرـ دـالـمـ فـرـكـارـاـ  
يـغـ تـيـدقـ بـرـفـاـيـدـهـ دـانـ رـيـيـهــ تـيـمـيـهـ يـغـ بـولـيـهـ مـغـقـيـتـكـىـنـ فـرـسـلىـسـىـھـەـنـ فـهـمـ دـانـ  
فـرـكـادـوـهـنـ سـامـ سـنـدـيـرـىـ، مـاـكـىـ هـامـوـنـ اـتوـ مـغـوـمـتـ، بـرـجـنـجـىـ دـوـسـتاـ اـتوـ  
بـرـبـوـهـ، مـعـوـمـتـ دـانـ مـغـادـوـ دـوـمـبـاـ سـامـ إـسـلـامـ بـاـيـكـ دـكـالـغـنـ صـحـابـةـ  
هـنـدـيـ، رـاـكـنـ سـتوـكـسـ، جـيـرـاـنـ تـيـقـكـاـ دـانـ سـبـاـكـىـ.

أـخـيـرـ، مـارـيـلـهـ كـيـتـ سـامـ سـامـ مـغـكـونـاـكـنـ لـيـدـهـ يـغـ دـكـورـنـياـكـنـ اللهـ  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اـونـتـوقـ كـيـاـكـىـنـ دـانـ بـوـكـنـ مـغـكـونـاـكـنـ كـاـرـهـ فـرـمـوـسـوـھـنـ دـانـ  
فـرـجـهـنـ، اـكـنـ تـاـقـيـ مـنـقـعـتـكـىـنـ اـونـتـوقـ مـنـدـافـتـكـىـنـ فـهـلاـ دـانـ رـحـمـةـ اللهـ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى  
دـعـنـ بـرـذـكـ، بـرـتـسـبـيـحـ، بـرـتـحـمـيـدـ دـانـ بـرـمـاـجــ مـاجــ لـاـكــ عـمـلـ عـبـادـهـ يـغـ بـولـيـهـ  
مـپـلـامـتـكـىـنـ كـيـتـ درـقـدـ أـقـىـ نـرـاـكـ دـانـ مـبـاـواـ كـيـتـ كـشـرـكـ. سـامـ سـاـمـلـهـ كـيـتـ  
بـرـدـاعـ سـمـوـكـ اللهـ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مـلـينـدـوـغـيـ كـيـتـ ذـرـيـ مـلـاـفـظـكـىـنـ كـاتــ كـاتــ يـغـ  
بـولـيـهـ مـنـدـافـتـكـىـنـ دـوـسـاـ. آـمـيـنـ يـاـ رـبـ الـعـالـمـينـ.

قـدـ هـارـيـ اـيـتـ كـامـيـ مـغـوـنـجـيـ مـولـوتـ مـرـىـكـ، دـانـ تـاغـنـ مـرـىـكـ مـيـرـيـتـاـھـوـ  
كـامـيـ كـاسـلـمـ مـاسـيـعـ مـاسـيـعـ دـانـ كـاكـىـ مـرـىـكـ قـولـ مـنـجـادـيـ سـقـسـىـ تـشـعـ اـفـ  
يـغـ مـرـىـكـ تـلـهـ أـوـسـهـاـكـنـ. {سـوـرـةـ يـسـ آـيـةـ ٦٥ـ}

بـارـكـ اللـهـ لـنـاـ فـيـ الـقـرـآنـ أـعـظـيمـ، وـنـفـعـنـ بـالـأـيـاتـ وـالـذـكـرـ الـحـكـيمـ. وـتـقـبـلـ مـنـاـ  
تـلـاوـتـهـ إـلـهـ هـوـالـسـمـيـعـ الـعـلـمـ، وـأـسـتـغـفـرـالـلـهـ الـعـظـيمـ لـيـ وـلـكـ وـلـسـائـرـ الـمـسـلـمـينـ  
وـالـمـسـلـمـاتـ وـالـمـؤـمـنـاتـ وـالـمـؤـمـنـاتـ فـاستـغـفـرـوـهـ فـيـ فـوزـ الـمـسـتـغـفـرـينـ وـيـاجـهـ  
الـتـائـبـينـ.

جوـسـتـزوـ، كـيـتـ هـنـدـقـلـهـ مـنـجـاـكـ لـيـدـهـ دـرـيـ فـرـكـارـاــ فـرـكـارـاـ يـغـ بـورـوقـ اـتوـ

موـغـكـرـ، سـقـرـتـىـ مـلـيـهـارـاـ لـيـدـهـ دـرـيـ بـرـكـاتـ بـوـهـوـغـ، كـجـىـ، مـفـتـتـهـ دـانـ  
سـأـوـمـقـمـاـنـ. يـغـتـلـهـ، بـهـاـوـاـ سـتـيـافـ فـرـكـاتـانـ يـغـ كـيـتـ لـفـظـكـنـ دـانـ أـوـجـقـكـنـ اـيـتـ  
اـكـنـ دـفـرـتـكـوـغـ جـوـابـكـنـ دـأـخـيـرـةـ كـلـقـ، فـرـمـاـنـ اللهـ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دـالـمـ سـوـرـةـ قـ آـيـةـ

١٨ـ: تـيـدقـ اـدـ سـيـارـغـ فـرـكـاتـانـ يـغـ دـلـفـظـكـنـ اـتوـ فـرـبـوـانـ يـغـ دـلـاـكـوـكـنـ مـلـايـكـنـ  
ادـ دـسـيـسـيـنـ مـلـاـتـكـةـ فـقاـوـسـ يـغـ سـتـيـاسـ سـدـيـاـ مـنـيـماـ دـانـ مـنـولـيـسـ.

جـمـاعـهـ يـغـ درـحـمـيـ اللـهـ،

برـتـقـوـىـ لـهـ كـيـتـ كـحـضـرـةـ اللـهـ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دـعـنـ مـيـعـكـكـنـ كـلـماـنـ كـهـدـنـ.  
سـسـغـكـوـهـنـ اـورـغـ يـغـ فـالـيـغـ مـلـيـاـ دـسـيـسـيـ اللـهـ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اـيـالـهـ اـورـغـ يـغـ فـالـيـغـ  
برـتـقـوـىـ. مـودـهــ مـودـهـنـ كـيـتـ مـنـجـادـيـ إـنـسـانـ يـغـ سـتـيـاسـ مـغـائـيـنـ اللـهـ  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، بـرـاـوـلـهـ كـجـيـانـ دـانـ كـسـلـامـنـ دـدـنـيـاـ دـانـ جـوـكـ دـأـخـيـرـةـ.

الـلـهـ سُبْحـانـهـ وَتـعـالـى بـرـفـرـمـاـنـ دـالـمـ سـوـرـةـ الإـسـرـاءـ آـيـةـ ٣٦ـ:

دانـ جـاـغـلـلـهـ أـغـكـوـكـوـتـ اـفـ يـغـ أـغـكـوـكـوـتـ تـيـدقـ مـغـوـيـاـيـ قـفـتـهـوـانـ مـغـلـيـنـ.  
سـسـغـكـوـهـنـ فـنـدـغـرـنـ دـانـ قـلـيـهـنـ سـرـتـ هـاـتـيـ، سـوـاـنـ اـيـتـ اـكـنـ دـفـرـتـكـوـغـ  
جـوـابـكـنـ مـغـلـيـنـ.

جـمـاعـهـ يـغـ درـحـمـيـ اللـهـ،

الـلـهـ سُبـحـانـهـ وـتـعـالـى مـنـجـادـيـكـنـ مـأـنسـيـ دـعـنـ سـبـاـيـكــ بـاـيـكـ كـجـادـيـنـ دـعـنـ  
مـغـورـنـيـاـكـنـ فـلـيـاـكـيـ نـعـمـتـ فـنجـاـ إـنـدـراـ تـرـاـوـتـامـنـ لـيـدـهـ دـانـ نـعـمـتــ  
تـرـسـبـوـتـ بـوـكـلـهـ اوـنـتـرـقـ دـكـوـنـاـكـنـ دـعـنـ سـوـيـغــ وـيـغـنـ كـرـانـ سـتـيـافـ أـغـكـوـتـاـ  
تـوـبـوـهـ بـادـنـ اـيـتـ اـكـنـ دـفـرـتـكـوـغـجـوـابـكـنـ دـانـ دـسـئـالـ دـأـخـيـرـةـ كـلـقـ.

سـسـغـكـوـهـنـ لـيـدـهـ مـرـوـفـاـكـنـ أـغـكـوـتـاـ يـغـ تـرـلـيـهـتـ كـجـيلـ، نـامـونـ اـيـ مـغـوـ  
مـيـرـيـكـنـ كـسـنـ يـغـ بـسـرـ كـهـدـوـفـ، بـوـكـنـ سـهـاـجـ فـدـ كـهـيـدـوـفـنـ سـنـدـيـرـىـ  
بـهـكـنـ فـدـ كـهـيـدـوـفـنـ اـورـغـ لـاـيـنـ.

إـمامـ الغـزـالـىـ رـحـمـةـ اللـهـ بـرـكـاتـ لـيـدـهـ مـأـنسـيـ اـيـ دـالـلـهـ بـنـداـ يـغـ فـالـيـغـ تـاجـ دـدـنـيـاـ  
كـرـانـ مـالـاـوـعـيـ لـيـدـهـ، مـأـنسـيـ دـعـنـ مـوـدـهـ مـبـاـكـيـنـ هـاـتـيـ دـانـ مـلـوـكـيـاـ فـرـاسـانـ  
سـوـدارـانـ سـنـدـيـرـىـ.

دـالـمـ مـنـجـالـيـ كـهـيـدـوـفـنـ كـيـتـ سـهـارـيـنـ، كـيـتـ فـرـلـوـ مـنـجـاـكـ دـانـ مـلـيـهـارـاـ  
لـيـدـهـ كـيـتـ أـكـرـ سـتـيـاسـ بـرـكـاتـ يـغـ بـاـيـكـ، بـرـادـابـ دـانـ بـرـسـوـفـنـ سـتـوـنـ، فـرـلـوـ  
دـكـتـهـوـيـ، بـهـاـوـاـ رـامـيـ اـورـغـ يـغـ مـلـيـاـ كـرـانـ لـيـدـهـ يـغـ تـرـجـالـ، نـامـونـ تـيـدقـ  
سـدـيـكـيـتـ قـولـ يـغـ تـرـجـوـمـوـسـ دـالـمـ كـهـيـنـانـ كـرـانـ تـيـدقـ مـغـوـيـاـيـ مـغـنـدـالـيـكـنـ لـيـدـهـ  
مـرـىـكـ دـعـنـ بـاـيـكـ.

أـكـامـ إـسـلـامـ اـدـ مـعـاـجـرـكـنـ كـهـدـنـ كـيـتـ مـغـيـاـيـ قـاعـدـهـ اـوـنـتـوقـ مـلـيـهـارـاـ لـيـدـهـ

دـرـيـ فـرـكـارـاـ يـغـ مـنـدـافـكـنـ دـوـسـاـ يـاـيـتـ اـثـيـلـ سـيـسـوـرـغـ هـنـدـقـ بـرـكـاتــ كـاتــ اـتـوـ  
مـيـرـيـكـنـ تـكـوـرـنـ مـكـ هـنـدـقـلـهـ اـيـ بـرـقـيـكـرـ تـرـلـيـهـ دـهـولـوـ، جـكـ تـرـيـاتـ تـيـدقـ اـدـ اـكـنـ  
كـسـنـ بـورـوقـ دـرـيـ فـرـكـاتـانـ يـغـ اـكـنـ دـأـوـجـقـكـنـ اـيـتـ مـكـ بـرـكـاتـهـ، تـتـاـقـيـ جـكـ

تـرـيـاتـ سـبـاـيـقـنـ، مـكـ دـيـاـمـهـ، درـقـدـ أـبـوـ هـرـيـرـةـ يـغـلـيـقـنـ، بـهـاـوـاـ رـسـوـلـ اللـهـ  
سُبـحـانـهـ وـتـعـالـى بـرـسـبـداـ: وـمـنـ كـانـ يـؤـمـنـ بـالـلـهـ وـالـيـوـمـ الـآـخـرـ فـلـيـقـلـ خـيـرـاـ  
أـوـ لـيـصـمـتـ.

مـقـصـودـنـ:

دـانـ بـارـغـسـيـافـ يـغـ بـرـيـمانـ كـهـدـ اللـهـ دـانـ هـارـيـ أـخـيـرـةـ، مـكـ هـنـدـقـلـهـ دـيـ  
بـرـكـاتـ يـغـ بـاـيـكـ اـتـوـ دـيـاـمـ. {حـدـيـثـ روـاـيـةـ إـمـامـ بـخـارـيـ}

دـالـمـ كـهـيـدـوـفـنـ اـيـنـ، كـيـتـ فـرـلـوـ مـنـجـاـكـ دـوـهـوـرـوـغـنـ بـاـيـتـ جـبـلـ منـ اللـهـ  
دـانـ جـبـلـ منـ النـاسـ، جـاـغـنـ سـيـشـيـ لـيـدـهـ يـغـ مـغـلـارـكـنـ تـصـبـحـتـ دـانـ تـكـوـرـنـ اـيـتـ



**1. Bilangan Tawaran :**  
JDBM / Q / 42 / 2023

**Tajuk Tawaran :**  
Kerja-Kerja Membaih Pulih  
Lantai Konkrit Retak dan Susur  
Di Gerai Lambak Kiri,  
Mukim Berakas 'A',  
Negara Brunei Darussalam.

**2. Bilangan Tawaran :**  
JDBM / Q / 49 / 2023

**Tajuk Tawaran :**



Kerja-Kerja Membaih Pulih  
Sistem Pam Air Di Jabatan  
Daerah Brunei dan Muara,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup :**  
Tidak lewat Selasa,  
21 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.



Iklan Penyewaan Kenderaan  
Bagi Acara APBM (Asean Postal  
Business Meeting) 1 (Satu)  
Buah Kenderaan 9 Seater  
(Weekly Rate) dan 1 (Satu) Buah  
Bus 45 Seater Selama 1 Hari  
Jabatan Perkhidmatan Pos

ADALAH dengan ini dimaklumkan  
bahawa Iklan Penyewaan  
Kenderaan Bagi Acara Asean  
Postal Business Meeting  
Bagi 1 (Satu) buah kenderaan  
9 seater dan 1 (Satu) buah



bus 45 seater adalah seperti  
berikut:

**Keterangan Kenderaan / Jumlah :**  
1. Kenderaan 7 - 9 Seater  
- 1 Buah

2. Bus 45 Seater - 1 Buah

**Tarikh Tutup :**  
21 November 2023 (Selasa)  
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Sebut Harga :**  
KHEU / JPI / JKS / 17 /  
2023-2024

**Keterangan :**  
Membekal dan Menghantar  
Buku-Buku Akademik Untuk  
Kegunaan PRA U, Bagi Sekolah  
Menengah Arab Laki-Laki  
Hassanal Bolkiah (SMALHB),  
Sesi Pembelajaran Tahun  
2024, Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Tahun, 1445H - 1446H /  
2023M - 2024M

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu,  
8 Jamadilawal 1445H /  
22 November 2023M.  
Tidak lewat Jam 2.00 Petang.



**Notis Sebut Harga**

**Tajuk Sebut Harga :**  
RTB / K / 158 / 23-24  
Penggambaran

dan Penyunting Realiti TV,  
Bahagian Rancangan TV, RTB

**Bayaran Yuran :**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas :**

BND5.00  
(Jika perlu dan tidak  
dikembalikan) (Hardcopy)

**Tarikh Tutup :**

Rabu,  
8 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.



## IKLAN



**1. Bilangan Tawaran :**  
(156)JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Penyewaan Mesin  
Penggambar Bagi Tempoh  
Empat (4) Tahun Bagi Dewan  
Mini Pusat Belia, Cawangan  
Daerah Belait Jalan Bunga  
Rambai

**2. Bilangan Tawaran :**  
(157)JBS / ADM / QC / 2023

**Tajuk Tawaran :**  
To Assemble Pool  
Table & Install New Carpet At  
Stadium Negara Hassanal  
Bolkiah

**3. Bilangan Tawaran :**  
(158)JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Mechanical and Electrical  
Term Maintenance For A

Period Of Twenty Four (24)  
Months For Jerudong Sports  
Complex

**4. Bilangan Tawaran :**  
(159)JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Supply and Install New Drain  
Cover For Sepak Takraw Area,  
Stadium Negara Hassanal  
Bolkiah

**5. Bilangan Tawaran :**  
(160)JBS / ADM / QC / 2023

**Tajuk Tawaran :**  
Mechanical and Electrical  
Term Maintenance For A Period  
Of Twenty Four (24) Months For  
1) Anggerek Desa Flat  
(Block C2 & C3)  
2) Anggerek Desa Swimming  
Pool  
3) Unit Kenderaan,  
Jabatan Belia dan Sukan  
4) Youth Centre, Temburong

**6. Bilangan Tawaran :**  
(161)JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Mechanical and Electrical Term  
Maintenance For A Period Of

Twenty Four (24) Months For  
National Swimming Pool,  
HBNSC

**7. Bilangan Tawaran :**  
(162)JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Repair Works to Existing  
Roofing At Hassanal Bolkiah  
National Stadium

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
23 November 2023.



Dibuka Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
IV / V

**Kategori :**  
M01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada :**  
Selasa,  
31 Oktober 2023.

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
14 November 2023.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DME / BOP-LE / 26 / 2023

**Nama Projek :**  
Kerja-Kerja Penggantian  
Sistem Penghawa Dingin  
Di Pusat Squasy,  
Kompleks Sukan Negara  
Hassanal Bolkiah,

Bandar Seri Begawan

**Yuran Tawaran :**  
BND50.00 (Tidak dikembalikan)



**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga :**  
11 / SEPTEMBER / KKBS /  
BKBN / 1.40 / 23 (R)

**Tajuk Sebut Harga :**  
Perkhidmatan Penyediaan,  
Pengendalian Serta

Pelaksanaan Latihan  
Memanah Bagi Pelatih Program  
Khidmat Bakti Negara (PKBN)  
Pengambilan Ke-12

**Bilangan Sebut Harga :**  
19 / SEPTEMBER / KKBS /  
BKBN / 1.40 / 23 (R)

**Tajuk Sebut Harga :**  
Pembekalan Serta  
Penghantaran Ubat-Ubatan  
Bagi Program Khidmat Bakti  
Negara (PKBN) Pengambilan  
Ke-12


**Bilangan Tawaran :**  
KK / 238 / 2023 / UPP

**Keterangan :**  
To Supply, Deliver, Install, Test  
and Commission Twenty (20)  
Units Of Multiparameter Patient  
Monitor For RIPAS Hospital

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00

**Yuran Tawaran :**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
14 November 2023.  
Tidak lewat jam  
2.00 Petang.



**Bilangan Tawaran :**  
KK / 237 / 2023 / UPP (TC)

**Keterangan :**

To Supply and Deliver Medical  
Consumables (Arterial Cannula  
With Flow Switch 20g / 1.10mm  
X 45mm) For Medical Intensive  
Unit (MICU) and Surgical  
Intensive Care Unit (SICU)  
At Raja Isteri Pengiran  
Anak Saleha Hospital For  
A Period  
Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran :**  
KK / 239 / 2023 / UPP(TC)

**Keterangan :**  
Supply and Delivery Of Medical  
Items (Cardiac Implantable  
Electronic Device (CIED) -  
Supplemental ) For Department  
Of Cardiology, Raja Isteri  
Pengiran Anak Saleha Hospital  
For A Period Of Five (5) Years.



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam dan Di Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :  
Sabtu,  
11 November 2023.

Tarikh Tutup :  
Selasa,  
14 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.

Bil. Tawaran :  
KHEDN / LTK / 2023 - 12

Tajuk Projek :  
Vehicle Leasing Services For Ministry Of Home Affairs – Five (5) Years Contract

Bilangan Projek :  
KHEDN / BPE / B00405 / 10

Yuran Tawaran :  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :  
KSSUP / JKSH / BTI / 02 / 2023 - 2024

Tajuk Sebut Harga :  
the Supply and Delivery Of Desktop PC For Ministry Of Primary Resources and Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga :  
Khamis,  
16 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.



Pemberitahuan Tawaran Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Negara Brunei Darussalam

JPt / TAW / 07 / 2023 - 2024 : Penyediaan Bekalan Api Elektrik Di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Merangking, Fasa 2 ( Yuran Tawaran : BND50.00 / Borang Tawaran : BND15.00 )

Tarikh Tutup :  
Selasa, 21 November 2023.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.





KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN] Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam


Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :  
10 / OKTOBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 23

Tajuk Sebut Harga :  
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Perkhidmatan Penyewaan, Pembekalan Serta

Penghantaran Dua (2) Unit Mesin Fotokopi Bagi Penggunaan Program Khidmat Bakti Negara [PKBN], Batu Apoi, Temburong

Tarikh Tutup :  
Khamis,  
9 November 2023.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.





JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :  
39 / JMM / S / 12 / 91 (2023 / 2024) - R

Tajuk Tawaran : Roofing Work to Office and Store Area At Stor Muzium Gudang Blok G, Gadong, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :  
Tidak lewat  
Selasa,  
21 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.





KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :  
KSSUP / BPK / SH / 02 (R) / 2023 - 2024

Tajuk Sebut Harga :  
Membekalkan Jamuan Kuih-Muih Bagi Mesyuarat- Mesyuarat Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Selama Sebelas (11) Bulan.

Bayaran Yuran Sebut Harga :  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Mengambil Borang Sebut Harga :  
Khamis,  
23 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga :  
Khamis,  
23 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.



BIRO MENCEGAH RASUAH

1. Bilangan Tawaran :  
BMR / SH / 15 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :  
Sebut harga Bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih dan Pengubahaian Tingkat Dua (Kawasan Lobi, Bilik-Bilik dan Tandas Lelaki) Bangunan Lama Biro Mencegah Rasuah

2. Bilangan Tawaran :  
BMR / SH / 16 / 2023 / 2024

Tajuk Tawaran :  
Sebut harga Bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih dan

Pengubahaian Bilik Persidangan dan Ruang Jamuan Tingkat Satu, Bangunan Lama Biro Mencegah Rasuah

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa, 21 November 2023.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :  
RTB / K / 158 / 23-24 :

Bayaran Yuran :  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :  
BND5.00

(Jika perlu dan tidak dikembalikan)  
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :  
Rabu, 8 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.

E03 dan E05 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03 dan E05.

Dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat Empat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri

Perhatian :  
Sila sertakan salinan Business Names Enactment, 1958 - Section 16 & 17, sijil pendaftaran pemborong (MOD), sijil Tabung Amanah Pekerja, 'Tap Employer Contribution' and 'Certificate of Tax Compliance' semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM

IKLAN TARIKH LANJUTAN

Notis Sebut Harga

Tajuk Sebut Harga :

IPA / PENT / SEBHAR / 512 Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Bagi Tempoh (2) Tahun Di Institut Perkhidmatan Awam

Tarikh Tutup Bagi Sebut Harga :  
Selasa, 7 November 2023.  
Jam 8.45 Pagi.

Yuran Sebut Harga :  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)



JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0032 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
To Repair and Replace  
Surround Fencing At Meragang  
Biodiversity Centre Building,  
Department Of Fisheries.

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0033 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
Repair Works to Pump House  
Station Buildings Keramut  
Tutong,  
Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga :

IKAN / 78(Q) / 0034 / 2023  
Tajuk Sebut Harga :  
Supply, Laying and Install  
Electrical Cabling, Water  
Piping and Pump Including  
Demolish Of Water / Sand Filter  
Sump At Broadstock  
Development Centre (BDC)  
Serasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga :  
Khamis, 16 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.



jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :  
JKR / DME / BOP-LE / 29 / 2023

Nama Projek :  
Pemeliharaan Lif 'Schindler'  
Di Bangunan Mufti,  
Bandar Seri Begawan Bagi  
Tempoh Tiga (3) Tahun.

Yuran Tawaran :  
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

Kelas :  
MOD Approved Lift Contractor

Kategori :  
KPME02

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada :  
14 November 2023 (Selasa)

Tarikh Tutup :  
28 November 2023.  
(Selasa)  
Tidak lewat dari



UNIVERSITI  
ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Penerbitan Iklan  
Universiti Islam Sultan  
Sharif Ali

UNISSA / SB0044 / 2023 / 2024 :  
Mencetak dan Membekal Buku-  
Buku Terbitan Universiti Islam  
Sultan Sharif Ali (UNISSA)  
Press 2023 Bulan September  
2023

UNISSA / SB0045 / 2023 / 2024 :  
Membekal dan Menghantar  
Buku-Buku Undang-Undang  
Bagi Kegunaan Perpustakaan  
Universiti Islam Sultan Sharif  
Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0046 / 2023 / 2024 :  
Membekal dan Menghantar  
Bahan Guna Habis Makmal  
(Consumables) Bagi Kegunaan  
Projek Creates On-Field DNA  
Testing For Food and  
Agricultural Products  
(CREATESDNA-UNISSA2)

UNISSA / SB0047 / 2023 / 2024 :  
Membekal dan Menghantar  
Buku-Buku Halal Tahun 2023  
Bagi Kegunaan Perpustakaan  
Universiti Islam Sultan Sharif  
Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0048 / 2023 / 2024 :

Membekal dan Menghantar  
Barangan Alat, Peralatan dan  
Kelempakan Pejabat Bagi  
Kegunaan Pejabat / Fakulti /  
Pusat / Bahagian / Unit Di  
Universiti Islam Sultan Sharif  
Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0049 / 2023 / 2024 :  
Membekal dan Menghantar  
Buku-Buku Teknologi 2023  
Bagi Kegunaan  
Perpustakaan Universiti  
Islam Sultan Sharif Ali  
(UNISSA)

UNISSA / SB0050 / 2023 / 2024 :  
Repair, Supply, Delivery,  
Installation, Testing,  
Configuration and  
Maintenance Of Closed-Circuit  
Television (CCTV) For  
Universiti Islam Sultan Sharif  
Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran :  
Tidak lewat Rabu,  
15 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.



IKAN / 78(Q) / 0034 / 2023  
Tajuk Sebut Harga :  
Supply, Laying and Install  
Electrical Cabling, Water  
Piping and Pump Including  
Demolish Of Water / Sand Filter  
Sump At Broadstock  
Development Centre (BDC)  
Serasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga :  
Khamis, 16 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Di Dalam

Kelas :  
III sahaja

Kategori : KA01

Bilangan Tawaran :  
JKR / DOR / SRC 14 / 2023

Nama Projek :  
Kerja-Kerja Menaik Taraf

Kawasan Letak Kereta Masjid  
Duli Raja Isteri Pengiran Anak  
Damit, Mukim Kilanas

Bilangan Tawaran :  
JKR / DOR / SRC 15 / 2023

Nama Projek :  
Kerja-Kerja Menaik Taraf  
dan Membina Kawasan  
Letak Kereta Bagi  
Masjid Pengiran Muda  
Abdul Malik,  
Kampung Tungku / Katok

Yuran Tawaran :  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Mengambil  
Dokumen Tawaran :  
25 Oktober 2023.

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada :  
Tidak lewat Selasa,  
14 November 2023.  
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa, 21 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI

Bilangan Projek :  
2023DBSBM / MOH.01

Yuran Tawaran :  
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada :  
Selasa, 14 November 2023.

Tarikh Tutup :  
Selasa,  
28 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :  
Q.JDT / 34 / 2023

Tajuk Tawaran :  
Membekal dan Menghantar  
Baju (Coverall) dan  
Kasut (Safety Boots) Untuk  
Pekerja Buruh Pemotongan  
Rumput Di Bahagian Kemajuan  
Dan Pembangunan Daerah  
[KPD], Jabatan Daerah Tutong.

Tarikh Tutup  
Menghadapkan Tawaran :  
Tidak lewat pada Rabu,  
15 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PERBENDAHARAAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI

Bilangan Tawaran :  
JPKK / JKSH2324-QTN.09 / FSS

Tajuk Tawaran :  
The Supply and Delivery Of  
Eleven Thousand (11,000)  
Pieces Of Negara Brunei  
Darussalam's Flag 3' X 6'  
Cotton Printed With State  
Colour and State Crest In Red  
Colour On One Side For the  
Treasury Department,  
Ministry Of Finance  
and Economy.

Tarikh Tutup / Jam :  
Sabtu, 18 November 2023,

jam 9.00 Pagi.

Tempat Menghantar Tawaran :  
Peti Sebut Harga,  
Jabatan Perbendaharaan  
Tingkat 2,  
Tower Block,  
Bangunan Kementerian  
Kewangan dan Ekonomi,  
Commonwealth Drive,  
Jalan Kebangsaan,  
Negara Brunei Darussalam.



JABATAN KEMAJUAN  
PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

Bilangan Tawaran :  
JKP / SH / 2023 – 2024 / 31

Tajuk Tawaran :  
To Design, Supply and Deliver  
Souvenirs Of Brunei Tourism  
Merchandise.

Tarikh Tutup Tawaran :  
Khamis, 16 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :  
IKAN / 78(Q) / 0035 / 2023

Tajuk Sebut Harga :  
Supply, Delivery, Install, Testing  
and Commissioning Of Class  
B AIS Transponder  
Phase 1.

Tarikh Tutup  
Khamis, 16 November 2023.  
Jam 2.00 Petang.



# IMBASAN MINGGUAN



# 185 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPULKAN

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**GADONG**, Sabtu, 4 November. - Sebanyak 185 pain darah berjaya dikumpulkan pada Kempen Menderma Darah yang dianjurkan bersama oleh Trillion Company, Sim Kim Huat Trading Company Sendirian Berhad (SKH) dan

Borneo Kopitiam Restaurant and Catering Gadong.

Kempen Derma Darah yang turut dianjurkan bersama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) diadakan di Borneo



**Kanser Kolorektal**

**Faktor Risiko:**

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah mengidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

**Langkah Pencegahan:**

- Tidak merokok.
- Perbanyak memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.
- Elakkan meminum minuman keras.

**Tanda-tanda kanser kolorektal:**

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

## Pupuk semangat cintakan alam sekitar



PARA peserta yang menyertai Program Clean Up Pantaiku bertempat di Pantai Muara, Mukim Serasa di bawah anjuran Badan Pelajar Pengurusan Pembangunan Islam (IDeMS), UNISSA.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 November. - Seramai 41 peserta yang terdiri daripada pelajar, tenaga akademik dan pegawai Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA telah menyertai Program Clean Up Pantaiku bertempat di Pantai Muara, Mukim Serasa di bawah anjuran Badan Pelajar Pengurusan Pembangunan Islam (IDeMS), UNISSA, baru-baru ini.

Program ini merupakan inisiatif Badan Pelajar FPPI dalam menggalakkan para pelajar FPPI untuk menyumbangkan usaha dan tenaga dalam membantu untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDGs) khususnya bagi Matlamat Ke-11 di samping memupuk semangat cintakan alam sekitar serta mewujudkan kesedarkan tentang kesan pembuangan sampah terhadap pantai, habitat akuatik dan sekitarnya.

Program dimulakan dengan aktiviti Kempen Kebersihan di sekitar kawasan Pantai Muara dan ditutup dengan ucapan penghargaan daripada Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA, Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha.

Kopitiam Restaurant and Catering Gadong.

Dalam satu kenyataan, Setiausaha Eksekutif Trillion Company, Amy Chin Ying Siew menzahirkan rasa gembira atas sokongan orang ramai terhadap Kempen Derma Darah berkenaan.

Beliau seterusnya berkata, inisiatif berkenaan menjadi sebahagian daripada tanggungjawab sosial syarikat berkenaan dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat.

Kempen berkenaan juga turut dianjurkan bersempena dengan meraikan Sambutan Ulang Tahun Pemilik SKH dan Borneo Kopitiam Restaurant and Catering, Lee Chiap Kiang.

Kempen Derma Darah berkenaan menyruu orang ramai untuk membantu menambah bekalan darah yang berada di tahap yang rendah di Bank Darah Hospital RIPAS.

Disingkat itu, ia juga membantu membangun semangat komuniti dan meningkatkan kesedaran



KEMENPEN Menderma Darah yang dianjurkan bersama oleh Trillion Company, Sim Kim Huat Trading Company Sendirian Berhad (SKH) dan Borneo Kopitiam Restaurant and Catering Gadong.

orang ramai mengenai kepentingan pendermaan darah serta keperluan pemindahan darah yang selamat.

Kempen berkenaan turut disertai oleh para kakitangan syarikat-syarikat pengajur.

Se semua penderma yang hadir pada kempen berkenaan menerima tiket cabutan bertuah yang menawarkan hadiah-hadiah menarik termasuk dua telefon bimbit jenama Vivo dan 20 set hamper bernilai BND100 seorang.

## Lawatan Muhibah memperluaskan keharmonian



ANTARA Ahli Kelab Kebajikan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK), Zon Bandar Lawas, Negeri Sarawak mengadakan Lawatan Muhibah sambil belajar ke Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Foto : Ihsan Mohd. Rafizullen Newi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 4 November. - Seramai 20 orang Ahli Kelab Kebajikan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK), Zon Bandar Lawas, Negeri Sarawak mengadakan Lawatan Muhibah sambil belajar ke Negara Brunei Darussalam, hari ini.

Rombongan tersebut diketuai oleh Penghulu Zon Bandar Lawas, Haji Hassan bin Pilus dan lawatan tersebut merupakan yang pertama diadakan oleh kelab berkenaan bagi meninjau dan mengadakan lawatan ke beberapa buah lokasi yang dijadualkan dalam Lawatan Muhibah tersebut.

Dengan membawakan objektif untuk mengeratkan lagi ikatan silaturahim, Lawatan Muhibah juga

bertujuan untuk mendalami serta berkongsi pengalaman dalam membentuk keharmonian khususnya dalam masyarakat berkampung.

Mula-mula rombongan berkunjung ke kediaman Ketua Kampung Kawasan 3 Perpindahan Lambak Kanan dan dialu-alukan sendiri oleh Ketua Kampung berkenaan, Awang Haji Mahir bin Haji Md. Yusof berserta Ahli-ahli Majlis Perundungan Kampung (MPK) Perpindahan Lambak Kanan.

Semasa berada di negara ini, rombongan juga mengadakan lawatan ke Pusat Da'wah Islamiyah di Kampung Pulaie; Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha; Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Rombongan juga meninjau lebih dekat Jame' Asr Hassani Bolkiah dan melihat lebih dekat Istana Nurul Iman.

Lawatan Muhibah berakhir dengan kembali semula ke kediaman Ketua Kampung Kawasan 3 Perpindahan Lambak Kanan dan diteruskan dengan bertukar-tukar cenderamata serta bacaan Doa Kesyukuran.

Dengan adanya lawatan itu, ia akan dapat memperluaskan lagi perkongsian pengalaman dan mempereratkan lagi hubungan silaturahim serta bertukar-tukar pandangan bagi sama-sama memajukan hubungan di antara kedua-dua belah pihak.

Selain itu, kedua-dua pihak juga belajar untuk mendalami aspek keharmonian dan sama-sama berkongsi idea bagi memajukan sumber perekonomian anak buah kampung dari MPK di kawasan masing-masing.

# TINGKATKAN KESEDARAN GURU, PELAJAR MENGENAI KESIHATAN REPRODUKTIF

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 November. - Kira-kira 50 guru mata pelajaran Sains Tahun 8 daripada sekolah-sekolah kerajaan dan swasta menyertai 'Bengkel Kesihatan Reproduktif Bagi Guru-Guru Sains Sekolah Menengah 2023' di Brunei Darussalam Leadership and Teachers Academy, di sini.

Bengkel yang diadakan selama empat hari iaitu pada 2, 4, 9 dan 11 November 2023 itu dianjurkan oleh Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dengan

kerjasama Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan juga turut diadakan di Pusat Tingkatan Enam, Tutong.

Para peserta dibahagikan kepada dua kumpulan bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang pelbagai dan kolaboratif.

Hadir untuk memberikan taklimat ialah wakil daripada Brunei Darussalam AIDS Council.

Terlebih dahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, disusuli dengan tayangan video animasi dan seterusnya sesi perbincangan secara berkumpulan.

Tujuan bengkel berkenaan diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan guru sekolah dan pelajar mengenai kesihatan reproduktif (seksual); di samping membincangkan pedagogi dan teknik pengajaran berkesan yang akan digunakan oleh guru Sains sebagai bahan pendidikan kepada pelajar, termasuk pelan pengajaran.

Selain itu, ia juga menggalakkan pertukaran pandangan dan perkongsian pengalaman pengajaran dalam kalangan guru Sains dan fasilitator mengenai kesihatan reproduktif.

Pada 2016, maklumat mengenai hubungan seksual dan kehamilan remaja diintegrasikan dalam kurikulum Sains bagi sekolah menengah.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk melengkapkan guru Sains dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyampaikan maklumat penting kepada pelajar.

Sebagai sebuah Negara Zikir, isu-isu kesihatan reproduktif (seksual) dalam kalangan remaja masih menjadi kebimbangan besar, dan mereka sekarang perlu menghadapi pelbagai cabaran semasa era digital ini.

Di antara kesan era digital ialah peningkatan risiko perilaku remaja terhadap kesihatan reproduktif dan keseluruhan kesihatan mereka.

PPK meningkatkan kandungan mengenai kesihatan reproduktif dan menghasilkan tiga video animasi yang memberi tumpuan kepada hubungan seksual, kehamilan remaja, dan penahanan diri.

Video-video berkenaan diterapkan ke dalam sukanan pelajaran mata pelajaran Sains bagi pelajar Tahun 8, dan akan



HADIR memberikan taklimat ialah wakil daripada Brunei Darussalam AIDS Council.

memberikan maklumat yang lebih komprehensif kepada guru dan pelajar.

Bengkel berkenaan mencerminkan komitmen Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, untuk mengatasi cabaran yang berkembang berkaitan dengan kesihatan reproduktif remaja di era digital.

Selain itu, inisiatif berkenaan juga diharap agar dapat memupuk generasi yang lebih sihat dan berpengetahuan.



## Jana pendapatan melalui perniagaan



SEBAHAGIAN peserta daripada penduduk Kampong Ayer menyertai Bengkel Masakan dan Baking yang berlangsung di The Kitchen Table Kiulap (atas dan bawah).



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**KIULAP**, Sabtu, 4 November. - Lebih 10 peserta dari penduduk Kampong Ayer menyertai Bengkel Masakan dan Baking yang berlangsung di The Kitchen Table Kiulap, di sini.

Bengkel ini merupakan anjuran Mitsubishi Corporation dengan kerjasama Green Brunei sebagai rakan pelaksana dan disokong oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bekerjasama untuk program pembangunan komuniti selama sebulan di Kampong Ayer.

Projek itu melibatkan kerja-kerja pemberian di sepanjang laluan di Kampung Sungai Pandan. Di samping itu, sebanyak tujuh bengkel yang menampilkan kemahiran masakan dan baking ditawarkan kepada penduduk Kampong Ayer, difasilitasi oleh Pusat Pembangunan Belia bermula hari ini.

Program ini adalah untuk membantu orang ramai dan memotivasi bagi meningkatkan kehidupan daripada perspektif keselamatan dan pendidikan.

Ia juga diharapkan dapat menyediakan masyarakat Kampong Ayer dengan pengetahuan dan kemahiran tambahan untuk membantu mereka menjana pendapatan melalui perniagaan.

Di samping membangunkan

perniagaan berdasarkan di rumah, peserta juga akan berpeluang untuk menjual produk mereka pada masa hadapan melalui program di

bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Projek ini menunjukkan komitmen dari pihak Mitsubishi Corporation untuk menyokong komuniti pembangunan dalam negara.





## Khidmat penstriman secara langsung kian mendapat sambutan

Rencana : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ihsan Livefeed.bn

**P**ENSTRIMAN secara langsung adalah media striman secara dalam talian yang disiarkan mahupun dirakam secara serentak untuk memudahkan orang ramai melihat acara-acara yang berlangsung secara live melalui platform media sosial antaranya Facebook, YouTube, Twitter, Instagram dan sebagainya.

Berkaitan dengan ini, ruangan Belia Berwawasan kali ini menampilkan cerita mengenai Pengasas Livefeed.bn. Beliau berusia 29 tahun dan berkelulusan Sarjana Muda dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) iaitu Akademik Pengajian Brunei dan School of Business and Economic, UBD.

Menurut Pengasas Livefeed.bn, Awang Haji Yusrizam bin Haji Abd. Tahir semasa ditemu bual Pelita Brunei menjelaskan, syarikat ini merupakan sebuah perkhidmatan penstriman secara langsung (*live streaming*) untuk acara atau majlis yang ditawarkan orang ramai.

Walaupun syarikat ini baru ditubuhkan lima bulan, akan tetapi ia mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai.

"Alhamdulillah pada setakat ini, syarikat ini telah mendapat dalam 40 tempahan dari para pelanggan," ujarnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, antara perkhidmatan yang disediakan dalam Livefeed.bn adalah penstriman secara langsung ke televisyen dan projektor dewan serta live ke Youtube atau Facebook. Cara ini adalah untuk orang yang tidak dapat menghadiri acara atau majlis seperti Majlis Perkahwinan, Majlis Hari Jadi, Majlis-majlis Korporat dan sebagainya.

Dalam pada itu, selain perkhidmatan penstriman secara langsung, Livefeed.bn juga mempunyai syarikat lain yang bernama projekbaju.bn dan photobooth.bn.

**Soalan :** Apakah pencapaian Awang peroleh setakat ini dan sekiranya ada, sila Awang nyatakan secara ringkas mengenainya?

**Jawapan :** Saya juga pernah memenangi Pertandingan Fotografi anjuran tempatan. Selain itu saya juga ada memenangi Pertandingan Video Pendek, video disiarkan di panggung wayang di bawah UBD Film Blitz. Antara beberapa Pertandingan Video Pendek yang dimenangi dan disertai ialah menjadi naib johan pada Pertandingan Video anjuran Kedutaan Perancis ke negara ini; mendapat tempat ketiga pada Pertandingan Video anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan mendapat tempat keempat dalam pertandingan yang dianjurkan oleh Media Permata dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Soalan :** Sila ceritakan pengalaman dan cabaran yang Awang alui dalam mengusahakan Livefeed.bn dan apakah cara Awang mengatasinya?

**Jawapan :** Pengalaman dan cabaran adalah dalam mengendalikan barang yang tidak ada terdapat di Brunei dan juga melatih bakat-bakat baharu khususnya belia tempatan.

**Soalan :** Siapakah pembakar semangat

Awang dalam kerjaya dan kehidupan?

**Jawapan :** Pembakar semangat saya adalah sentiasa memikirkan masa depan untuk diri saya sendiri, isteri dan ibu bapa saya. Mereka ini juga adalah pembakar semangat dalam menerusi kerjaya dan kehidupan saya.

**Soalan :** Apakah perancangan masa depan dan harapan Awang dalam mengusaha Livefeed.bn ini?

**Jawapan :** Perancangan masa depan saya adalah untuk menyediakan sebuah pasukan (*team*) yang dapat mengambil tempahan sebanyak tiga acara sehari.

**Soalan :** Sedikit nasihat dan pesanan kepada belia Brunei di luar sana dan apakah pandangan Awang mengenai dengan Belia Berwawasan dalam menuju Wawasan 2035?

**Jawapan :** Pada pandangan saya, belia pada masa ini boleh dibanggakan kerana mereka semakin berani dan semakin berdaya saing, serta mampu berdiskari untuk membuat perniagaan sendiri untuk memajukan diri mereka. Saya nasihatkan agar para belia untuk teruskan usaha untuk lebih maju ke hadapan sehingga mendapat kecemerlangan dalam bidang yang diceburi.



## Mengukuhkan pelancongan mesra Muslim

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Jabatan Penerangan

**N**EGARA Brunei Darussalam memiliki potensi yang besar dengan keunikannya yang tersendiri untuk dijadikan sebagai destinasi pilihan pelancongan Islam yang menawarkan produk pelancongan berteraskan Islam pada peringkat antarabangsa. Perkara pertama yang dapat dilihat oleh pelancong yang datang ke negara ini ialah masjid di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini yang menunjukkan negara ini destinasi pelancongan Islam.

Untuk mengukuhkan lagi potensi pelancongan Islam, ia tidak terhad kepada isu makanan halal, bahkan termasuk kemudahan penginapan, beribadah dan aktiviti pelancongan serta pengembalaan mesra Muslim.

### Penginapan dan pengangkutan

Bagi kemudahan pelancong Islam, pihak penyedia penginapan seperti hotel perlu memastikan kelengkapan bilik tidur sesuai keperluan pelancong untuk melakukan ibadat contohnya, memastikan bilik tidur bebas daripada makanan dan minuman haram serta disediakan penunjuk kiblat dan sejадah.

Pada masa yang sama, pakej pengangkutan mesra Muslim perlu disediakan seperti penyediaan ruang duduk tidak bercampur lelaki dengan wanita dan juga perhentian tetap apabila tiba waktu solat. Meskipun perkara ini mungkin sukar dilaksanakan bagi sesetengah pakej pelancongan tetapi jika ditangani dengan baik dan disertai dengan maklumat yang lengkap setentunya ia dapat membawa hasil yang positif.

Pakej hiburan, riadah dan pengembalaan serta pelancongan juga perlu mengambil kira keperluan pelancong Muslim dengan perlu memperbanyak aktiviti bersifat kekeluargaan. Selain aktiviti pelancongan konvensional seperti membeli-belah dan rekreasi, pakej menelusuri sejarah Islam di negara ini wajar diperbanyak. Kunjungan ke tempat ibadah ikonik dapat mendedahkan pelancong pada adat dan budaya negara yang unik dan berunsurkan keislaman kepada pelancong.

Negara kita mempunyai banyak infrastruktur yang menarik termasuk masjid-masjid yang tersergam indah dan yang memudahkan pelancong Islam untuk beribadat. Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien adalah antara infrastruktur yang sering menerima kunjungan para pelancong dari luar negeri.

### Mesra pelancongan halal

Perkara penting dalam mempersiapkan sesebuah tempat itu menjadi mesra pelancongan halal ialah penyediaan kemudahan tempat beribadah, tempat berwuduk, tandas, penunjuk arah kiblat dan yang seumpamanya. Antara faktor penting yang juga perlu dijaga adalah kedudukan tandas tidak mengadap kiblat.

Di samping itu, penyediaan makanan halal juga merupakan suatu perkara yang penting di mana para pelancong yang beragama Islam tidak berasa was-was kerana dengan adanya penyediaan makanan halal akan memberi keyakinan kepada mereka untuk menikmati makanan di negara ini. Menyediakan makanan halal sepenuhnya adalah lebih baik supaya pelancong Muslim boleh datang ke negara kita tanpa rasa bimbang ketika makan di restoran kita, apabila beberapa restoran menyatakan

dengan jelas status restoran halal mereka dengan memamerkan label 'Halal' di restoran.

### Mempromosi pelancongan Islam

Oleh itu, agensi pelancongan tempatan termasuk pengusaha industri halal tempatan lainnya perlu memainkan peranan penting dalam menerapkan pelbagai nilai Islam khususnya terhadap perkhidmatan dan produk pelancongan yang hendak ditawarkan menerusi pelbagai media dan aplikasi digital yang boleh menarik pelancong dalam dan luar negara.

Sebagai membantu hasrat negara ini memajukan industri pelancongan Islam, Pelancaran Aplikasi Pelancongan Islam dan Masjid-masjid Utama melalui 'Apple App Store' adalah wadah ke arah menzahirkan corak kehidupan Islam di Negara Brunei Darussalam menurut falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan berlandaskan kepada konsep Negara Zikir. Inisiatif Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk mempromosi tempat-tempat bersejarah atau mempunyai kepentingan agama di negara ini melalui aplikasi tersebut memudahkan para pelancong untuk berkunjung ke negara ini serta berpeluang mengetahui segala maklumat sekitar Negara Brunei Darussalam. Dengan yang demikian hasrat negara untuk dikenali sebagai destinasi pelancong Islam yang unik dan laluan pelancongan hebat di Asia Tenggara akan tercapai, di samping memperkenalkan Negara Brunei Darussalam ke dunia antarabangsa dan seterusnya menjadi penyumbang utama ekonomi negara.

### Tenaga mahir urus operasi

Penawaran pakej mesra Muslim lengkap memerlukan kewujudan modal insan cekap

dan berkemahiran tinggi untuk memastikan industri dapat digerakkan dan dioperasikan dengan kualiti diinginkan. Oleh itu, institusi pendidikan tinggi perlu menyediakan modal insan cekap dalam mengoperasikan pakej pelancongan mesra Muslim. Hakikatnya, negara memerlukan lebih ramai modal insan cekap agar industri pelancongan mesra Muslim sentiasa dapat menawarkan perkhidmatan terbaik dan berkualiti tinggi. Penawaran perkhidmatan berkualiti tinggi akan memastikan industri berkenaan kekal menjadi pilihan utama pihak pelancong.

Apa yang menjadi suntikan semangat ialah pasaran pelancongan mesra Muslim berkembang setiap tahun yang mana negara-negara Islam akan semakin menjadi destinasi tumpuan pelancong dari seluruh dunia. Ini ditambah lagi dengan kemesraan dan sikap positif terhadap pelancong ini akan membuatkan pelawat rasa lebih selesa dan lebih dialu-alukan di negara ini. Justeru marilah kita sama-sama meningkatkan prestasi pelancongan Islam di negara ini dengan sikap ramah, melayani tetamu dengan hormat, bersopan santun yang jelas menunjukkan identiti kita sebagai orang Brunei. Selain itu, kita juga perlu memberi lebih perhatian kepada tahap keselamatan pelancongan bagi memastikan pelancong berasa selamat ketika melawat ke negara ini tanpa perasaan bimbang dan ketakutan.

### Kesimpulan

Penawaran perkhidmatan pelancongan mesra Muslim yang berkualiti tinggi akan memastikan industri pelancongan negara kekal menjadi pilihan utama pelancong terutama beragama Islam, sekali gus memacu ekonomi negara.



# 180 PESERTA MERIAHKAN BEACH NIGHT RUN



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi acara Beach Night Run (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**PENANJONG**, Sabtu, 4 November. - Dengan hasrat untuk memperkasakan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat di negara ini sambil menikmati keindahan suasana persekitaran kampung, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Penanjong dengan kerjasama Shahney Event Management malam tadi menganjurkan acara Beach Night Run buat julung kalinya bertempat di Pantai Persiaran Pengkalan Pinang, Kampung Penanjong, Tutong, di sini.

Seramai 180 peserta bukan hanya terdiri daripada penduduk di negara ini bahkan termasuk tiga orang dari United Kingdom dan lima orang lagi dari Malaysia itu

telah menyertai acara larian dalam empat kategori utama iaitu Lelaki Veteran 50 Tahun Ke Atas; Perempuan Veteran 50 Tahun Ke Atas; Lelaki Terbuka 49 Tahun Ke Bawah; dan Perempuan Terbuka 49 Tahun Ke Bawah.

Pada pertandingan berkenaan, Awang Md. Azrol bin Haji Awang Aji muncul juara bagi Kategori Lelaki Terbuka, manakala Kategori Wanita Terbuka pula dijuarai oleh Dayang Diana Siew.

Sementara itu, juara bagi Kategori Lelaki Veteran dan Wanita Veteran pula masing-masing disandang oleh Awang Guianus Salagan dan Dayang Erin.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan seterusnya menyempurnakan sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Atur cara dimulai dengan bacaan Doa Selamat dan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Pengerusi Bersama Beach Night Run, Awang Md. Shahrol Redhwan bin Haji Md. Yussof.

Acara kemudiannya diteruskan dengan sesi pelepasan yang bermula dan berakhir di kawasan letak kereta di Pantai Persiaran Pengkalan Pinang dengan merentasi beberapa kawasan kampung dengan jarak sejauh 22 kilometer untuk enam pusingan.

Menurut Awang Md. Shahrol Redhwan, dengan pelaksanaan acara larian sedemikian ia

sememangnya diharap mampu membuka minda dan jiwa serta semangat dalam melakukan pelbagai aktiviti sukan dalam hidup berkeluarga dan juga bermasyarakat, di samping mengeratkan jalinan persahabatan dalam lingkungan penggiat sukan larian di negara ini.

"Kebiasaannya kita melakukan larian di kawasan bandar mahupun pekan tetapi dengan diadakan di kawasan kampung, ia juga secara tidak langsung mampu menjentik jiwa raga kita semua untuk lebih menghargai keindahan kampung. Dengan adanya penglibatan peserta dari ketiga-tiga daerah yang lain mahupun negara luar pastinya ia juga secara tidak langsung mampu memperkenalkan tempat tarikan yang dimiliki oleh kampung ini

khususnya bagi para pencinta suasana pantai," ujarnya.

Beliau turut berkesempatan merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penaja-penaja acara terdiri daripada Aziz Latif Company, Mashor Waste Management, Sabli's Food Industry, Artesian Fresh, SAP House, D'Sunlit Sdn. Bhd., Zakepool and Dynamic Sport.

Acara turut dimeriahkan dengan aktiviti berjalan santai dalam kalangan penduduk kampung setempat yang juga disokong oleh Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTre). Juga hadir, Ketua Kampung Penanjong, Awang Muhammad Ariffin bin Haji Akip.

## DPMM FC menang 1 - 0 ke atas Young Lions FC



SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Young Lions FC pada Piala Singapura 2023 (atas dan bawah kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League

**REPUBLIK SINGAPURA**, Sabtu, 4 November. - Pasukan Brunei DPMM FC mengesahkan tiket ke perlawanan separuh akhir Piala Singapura 2023 setelah menang ke atas Young Lions FC, 1 - 0 pada saingan perlawanan bagi Kumpulan 'A' yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura, malam tadi.

Pemain import Brunei DPMM FC, Farshad Noor muncul wira

bagi pasukannya setelah menghadiahkan gol tunggal pada separuh masa pertama perlawanan.

Kedua-dua pasukan lebih awal bersaing dengan berhati-hati dan masing-masing berusaha mencari ruang untuk membolosi gawang lawan namun Pasukan Brunei DPMM FC lebih banyak menguasai perlawanan dengan mencipta beberapa peluang jaringan namun

sepaikan berkenaan jelas tersasar.

Memasuki 30 minit masa perlawanan, Brunei DPMM FC, di bawah kendalian Adrian Pennock, bijak mengubah rentak permainan sehingga mencipta gol pembukaan melalui sepakan tajam Farshad Noor yang gagal didakap oleh penjaga gawang Young Lions FC, Umayr Sujandy.

Young Lions FC di bawah kendalian Nazri Nasir yang belum meraih sebarang jaringan pada dua perlawanan terdahulu, turut melakukan beberapa percubaan berbahaya ke arah pintu gawang pelawat namun penjaga gol Brunei DPMM FC, Kristijan Naumovski serta barisan pertahanan lebih bersedia mempertahankan benteng daripada dibolosi.

Kapten Pasukan, Azwan Ali Rahman hampir sahaja menambah jaringan bagi Brunei DPMM FC pada minit ke-38 perlawanan namun jaringannya tidak dikira apabila penjaga garisan terlebih dahulu mengangkat bendera menandakan offside.

Memasuki babak kedua, perlawanan semakin rancak apabila kedua-dua pasukan mula bertindak ganas dengan bertindak berbalas serangan.

Young Lions FC hampir menyamakan kedudukan pada minit ke-51 melalui tandukan Muhammad Amiruldin Asraf

yang menyarung jersi 40, tepat memasuki gawang namun jaringan tersebut sekali lagi dinafikan oleh pengadil apabila ia diikira offside.

Pemain pertahanan Brunei DPMM FC, Muhammad Hanif Hamir dilayangkan Kad Kuning setelah menjatuhkan Muhammad Amiruldin Asraf di dalam petak penalti sekali gus memberikan peluang keemasan kepada Young Lions FC apabila memperoleh sepakan penalti.

Walau bagaimanapun, sepakan penalti berkenaan gagal dimanfaatkan apabila sepakan Muhammad Farhan Zulkifli berjaya

didakap kemas oleh Kristijan Naumovski.

Kedudukan bertahan 1 - 0 sehingga wisel penamat dibunyikan dan keputusan memihak kepada Brunei DPMM FC.

Dengan keputusan tersebut, Brunei DPMM FC kekal menerima tangga teratas dalam Kumpulan 'A' dengan 10 mata hasil daripada empat perlawanan.

Sementara itu, pada perlawanan lain bagi Kumpulan 'A' yang berlangsung di Our Tampines Hub, Geylang International FC tewas 1 - 3 kepada Tampines Rovers FC.



# JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL JUARA KEJOHANAN BADMINTON KEMENTERIAN KESIHATAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 4 November. - Jabatan Perkhidmatan Makmal menujuari Kejohanan Badminton Kementerian Kesihatan dan Jabatan-jabatan di Bawahnya bagi Tahun 2023 berlangsung di Peak Performance, di sini.

Naib juara disandang oleh Jabatan Perkhidmatan Dental manakala tempat ketiga ialah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Menduduki tempat keempat ialah gabungan tiga buah jabatan iaitu Jabatan Perkhidmatan Perubatan, Jabatan Dasar dan Perancangan dan Jabatan Perkhidmatan Alam Sekitar.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Kejohanan Badminton tersebut bermula pada 20 Oktober yang lalu yang berlangsung di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Sebanyak 16 pasukan menyertai Kejohanan Badminton tersebut yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kesihatan dari keempat-empat daerah.

Turut hadir pada kejohanan

tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

**YANG Berhormat Menteri Kesihatan** hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (bawah kiri dan kanan). Sementara gambar bawah kanan, antara pasukan yang menyertai pertandingan.



## Kementerian Pendidikan juara Kejohanan Bola Jaring



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Haflah Pg. Osman

**BERAKAS**, Ahad, 5 November. - Kementerian Pendidikan sekali lagi mempertahankan gelaran juaranya apabila dinobatkan sebagai johan bagi Kategori Terbuka pada Kejohanan Akhir Bola Jaring Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-30 Tahun 2023, berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Naib johan disandang oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi manakala tempat ketiga dimenangi oleh Jabatan Perdana Menteri.

Sementara itu, bagi Kategori Veteran pula dijuarai oleh Kementerian Pembangunan, diikuti tempat kedua oleh Kementerian Kesihatan dan tempat ketiga diraih oleh Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kemenangan ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Pemenang bagi Kategori Terbuka dan Veteran menerima piala kemenangan, wang tunai sebanyak BND350 bersama pingat kemenangan, naib johan menerima wang tunai sebanyak BND300 dan pingat kemenangan manakala tempat ketiga menerima wang tunai sebanyak BND250 serta pingat kemenangan.

Terdahulu, pada perlawanan di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kedua-dua pasukan terikat dengan jaringan 15 - 15.

Manakala Kementerian Pendidikan menundukkan Kementerian Pembangunan dengan jaringan 18 - 11.

Sebanyak 10 kementerian telah menyertai Kejohanan Bola Jaring dalam Kategori Terbuka dan tiga kementerian menyertai dalam Kategori Veteran yang mana kejohanan telah bermula pada 27 Oktober 2023 yang lalu.

Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian - kementerian sempena Sambutan HPA ini adalah bertujuan sebagai projek pembangunan sukan Bola Jaring jangka masa panjang dan berterusan, di samping bagi meningkatkan usaha sama dan persefahaman dalam kalangan pegawai-pegawai di bawah kementerian masing-masing dalam memajukan dan meningkatkan mutu sukan Bola Jaring di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, ia juga dihasrat untuk mempersiapkan pemain-pemain untuk membiasakan diri dengan suasana perlawanan Bola Jaring yang standard; memberikan galakan dan dorongan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini supaya bergiat aktif dalam aktiviti sukan Bola Jaring dan menarik minat dan memberikan keyakinan (*self-confident*) pemain-pemain.

**ANTARA** aksi Kejohanan Akhir Bola Jaring Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-30 Tahun 2023 (atas kiri dan kanan).



**YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)**, Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kemenangan.





ePaper Pelita Brunei



## LARIAN AMAL MEMPERINGATI HARI KESEDARAN AUTISME SEDUNIA



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyertai sesi pemanasan badan (kiri), manakala gambar kanan, antara yang menyertai salah satu kategori pada Larian Amal 'Anak Adalah Anugerah' sempena Hari Kesedaran Autisme Sedunia, Tahun 2023 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 5 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas dengan kerjasama SMARTER Brunei mengadakan Larian Amal 'Anak Adalah Anugerah' sempena Hari Kesedaran Autisme Sedunia, Tahun 2023 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Larian Amal ini diadakan bagi memperingati Hari Kesedaran Autisme Sedunia yang pada tahun ini bertemakan 'Mengubah Naratif : Sumbangan untuk pelajar dan individu autisme di Rumah, di tempat Kerja, dalam Kesenian dan dalam menggubal Dasar' secara besar-besaran, di samping membantu meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai individu dan pelajar autisme.

Selain itu, larian juga bertujuan untuk mengumpulkan dana yang akan disalurkan kepada pihak SMARTER Brunei, Tabung IKHLAS dan Tabung Pendidikan Khas.

Larian tersebut dibahagikan kepada lima kategori, iaitu Kategori Lelaki Terbuka 5 Kilometer (km), Kategori Wanita Terbuka 5km, Kategori Pelajar Berkeperluan Khas Lelaki 3km, Kategori Pelajar Berkeperluan Khas Wanita 3km dan Kategori Berjalan / Larian / Berkerusi Roda 1.5km bagi orang awam dan pelajar berkeperluan khas.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan pelepasan peserta bagi Kategori Wanita Terbuka ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang menyempurnakan pelepasan peserta Kategori Lelaki Terbuka.

Turut hadir semasa acara tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pada larian tersebut, Hulubalang Asgar Awang Abd. Malik bin Awang Hidup dan Noorhanisah binti Haji Abd. Ghani masing-masing dinobatkan johan bagi Kategori Lelaki Terbuka dan Wanita Terbuka; Ruzaini bin Mahadi dan Tho Siaw Khim menyandang naib johan; manakala Muhammad Fathurrahman bin Haji Zulkifli dan Hafizatol Hamiroldzam memenangi tempat ketiga.

Sementara itu, Md. Rasuli @ Muhammad Risqie bin Rosli dan Sarah Nursyifa binti Ashrul Faizal dinobatkan johan bagi Kategori Pelajar Berkeperluan Khas Lelaki dan Pelajar Berkeperluan Khas Wanita; Mohd Adran Shah bin Mohd. Azrie dan Syahindah binti Abdul Rahim menyandang naib johan; manakala Muhammad Sahrazeen bin Samat dan Safirah binti Affendi memenangi tempat ketiga.

Semasa Larian Amal tersebut, para peserta dan orang ramai juga boleh mengikuti pelbagai aktiviti termasuk permainan mencari harta karun, permainan teka-teki, melukis wajah, sepak bola, permainan guli, dan Zumba dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran awam tentang pelbagai keperluan pembelajaran di sekolah.

## Briskwalk sempena HPPPN Ke-13



**RIMBA,** Ahad, 5 November. - Bersempena dengan Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Ke-13, Tahun 2023, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dan Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan (KSSUP) pagi ini mengadakan Briskwalk yang diadakan di Dewan Melati, Pusat Agribisnes Rimba, di sini.

Hadir menyempurnakan pelepasan dan sama-sama menyertai aktiviti itu ialah

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyertai Briskwalk sempena dengan Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan Ke-13, Tahun 2023.

Pengiran Haji Aliuddin; Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai dan Kakitangan KSSUP serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Acara dimulakan dengan aktiviti memanaskan badan dan diteruskan dengan pelepasan acara berjalan kaki sejauh 3 kilometer.

Acara Briskwalk ini antara lain bertujuan untuk mengerakkan hubungan silaturahim dalam kalangan pemimpin-pemimpin dalam KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya dan pengusaha-pengusaha industri pertanian dan perikanan, selain bagi menggalakkan rakyat dan penduduk negara ini mengamalkan cara hidup yang sihat.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

PELIHARA LIDAH DARIPADA PERKARA YANG MENDATANGKAN DOSA